

**Jilid V
No. 22**



**Hari Juma'at
17hb Januari, 1969**

**PERBAHATHAN
PARLIMEN
DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA
PENGKAL KELIMA
PENYATA RASMI**

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
3661]**

USUL²:

Atoran Urusan Meshuarat [Ruangan 3717]

Penanggohan [Ruangan 3762]

RANG UNDANG²:

**Rang Undang² Perbekalan, 1969 (Bachaaan Kali Yang
Kedua [Ruangan 3687])**

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KELIMA

Penyata Rasmi

Hari Juma'at, 17hb Januari, 1969

Persidangan bermula pada pukul 9.30 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Y.B. DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

- Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan,
TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri,
TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, K.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN,
A.M.N. (Sarawak).
- „ DATO' SYED ESA BIN ALWEE, S.P.M.J., J.M.N., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).
- Yang Berbahagia TAN SRI HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD, J.P. (Tumpat).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN, J.P. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K.
(Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS, J.P. (Pulau Pinang Selatan).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S.
(Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Sarawak).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB (Kuantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasar Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR,
A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S.,
A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).

- Yang Berhormat RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ TUAN SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).
- „ Menteri Ke'adilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN
(Kuala Pilah).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL
HAMID KHAN BIN SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Batang
Padang).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan,
Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN
(Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, DATO' HAJI ABDUL-
RAHMAN BIN YA'KUB, P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Hal Ehwal Sabah, DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P.
(Sabah).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN
AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan,
ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K.
(Trengganu Tengah).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).

Yang Berhormat TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).

„ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerei).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

„ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).

„ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA.

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Meshuarat)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PERUNTOKAN UNTUK MEM- BUBOH TAR—JALAN KENINGAU TENOM DAN JALAN KENINGAU TAMBONAN

1. Tuan Mohd. Arif Salleh (Sabah) bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom berapa banyak-kah jumlah wang yang di-untokkan bagi menyiram minyak tar dalam tahun 1969 kepada:

(a) Jalan Keningau Tenom;

(b) Jalan Keningau Tambonan.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Tali-
kom (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Yang di-Pertua, saya telah di-beritahu oleh Kementerian Perhubungan dan Kerja Raya, Sabah, bahawa wang sebanyak \$750,000 telah di-peruntokkan bagi tahun 1969 untuk membuboh tar dan memperbaiki lagi jalan Keningau Tenom.

(b) Tidak ada peruntokan untuk jalan Keningau Tambonan.

PERATORAN² PEPEREKSAAN DI- MALAYSIA BARAT DAN MALAY- SIA TIMOR—MENGHAPUSKAN PEPEREKSAAN DARJAH 6 DI- MALAYSIA TIMOR

2. Tuan Mohd. Arif Salleh bertanya kepada Menteri Pelajaran sama ada

dia sedar bahawa peratoran² pepereksaan di-Malaysia Barat tidak sa-imbang dengan yang ada di-Malaysia Timor dan sa-kira-nya sedar, bila-kah Kerajaan akan menghapuskan pepereksaan Kerajaan bagi Darjah VI di-Malaysia Timor.

Menteri Pelajaran (Tuan Mohd. Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar, tetapi Kerajaan Persekutuan dan termasuk-lah Kementerian Pelajaran, ada-lah terikat oleh Perenggan 17 (a) dalam Penyata Jawatan-kuasa Antara Kerajaan yang menetapkan bahawa walau pun pelajaran ia-lah satu perkara Persekutuan, sistem dan dasar pentadbiran pelajaran yang ada di-Malaysia Timor tidak boleh di-ganggu dan mesti-lah terletak di-bawah kawalan Kerajaan² Negeri Sabah dan Sarawak sa-hingga mereka sendiri bersetuju. Oleh kerana pepereksaan Kerajaan Darjah VI di-Malaysia Timor telah wujud sa-belum dari Malaysia penghapusan-nya tanpa persetujuan dari negeri² yang berkenaan akan melanggar Penyata itu.

PERKHIDMATAN TEKSI DI-MALAYSIA—PAKAIAN SA-RAGAM UNTUK PEMANDU² TEKSI, PEMASANGAN TALIPON DALAM TEKSI DAN KERETA² KHAS UNTUK PELANCHONG²

3. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan) bertanya kepada Menteri Pengangkutan, memandangkan kemajuan perkhidmatan teksi di-Malaysia yang menggalakkan ada-kah dia akan mengenakan syarat supaya:

- (a) pemandu² teksi memakai pakaian sa-ragam;
- (b) talipon di-pasang dalam teksi; dan
- (c) teksi² dan van² khas di-adakan untuk pelanchong².

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya pada masa ini tidak ada chadangan hendak memaksa semua pemandu² teksi memakai pakaian sa-ragam dan juga teksi² di-lengkapkan dengan talipon. Kedua² chadangan ini akan di-timbangkan oleh Kementerian saya satu masa ka-hadapan nanti barangkali bagi pehak teksi² di-Ibu

Kota Kuala Lumpur dan di-kota² yang besar. Akan tetapi bagi teksi² Limousine atau pun teksi yang untok istimewa kerana hotel yang besar kerana membawa pelanchong² daripada luar negeri di-tetapkan bahawa teksi ini hendak-lah berhawa dingin dan pemandu²-nya hendak-lah memakai pakaian yang akan di-tetapkan oleh Kementerian saya dari masa ka-samasa.

Sa-lain daripada teksi² Limousine yang besar, Kementerian saya telah pun mengeluarkan kebenaran² motokar sewa dan memandu sendiri atau hire and drive untok kegunaan pelanchong² luar negeri.

Permit² bas pelanchong telah juga di-keluarkan untok maksud ini kepada sharikat² pelanchong. Sekarang ini kebenaran bas pelanchong tidak hanya di-keluarkan untok sharikat² pelanchong sahaja bahkan di-berikan juga kepada orang ramai yang ingin menjalankan perniagaan membawa pelanchong².

Untok ma'aluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya tidak berchadang kebenaran van di-gunakan untok keperluan membawa pelanchong² luar negeri, kerana kenderaan yang sa-macam ini di-rasakan tidak sesuai untok mengangkut penumpang² terutama sa-kali pelanchong² daripada luar negeri.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, melihatkan perkhidmatan teksi yang makin meningkat dalam negeri ini, ada-kah Yang Berhormat Menteri ini sedia menimbangkan bagi mengeluarkan permit² khas sama ada motokar atau pun bas hari² pada tiap² hari raya dalam negeri ini, atau hari upacara kebesaran yang di-anjorkan oleh Kerajaan kerana memandangkan betapa kesulitan ra'ayat pada hari² yang tersebut.

Tan Sri Haji Sardon: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat barangkali tahu sa-tengah² bandar yang mana kenderaan tidak begitu chukup sa-bagaimana biasa kerana hari kebesaran, sharikat² bas boleh bermohon dan di-benarkan berjalan sampai jauh malam dan banyak kali-nya dan kalau ada Ahli Yang Berhormat itu fikir

berkenaan dengan di-mana tempat-nya tolong-lah berhubung dengan Kementerian saya supaya saya arahkan kepada sharikat² bas yang ada memberi peluang kepada orang ramai menggunakan dengan sa-penoh-nya.

BILANGAN PELANCHONGAN² MELAWAT MALAYSIA, 1968—LAYANAN OLEH PEHAK IMIGERESHEN DAN KASTAM MALAYSIA DAN WAKIL² SUKARELA, DAN LANGKAH² DI-AMBIL UNTUK MENAREK LEBEH RAMAI PELANCHONG²

4. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan, oleh kerana perusahaan pelanchong menjadi salah satu sumber tukaran wang asing;

- (a) berapa bilangan pelanchong yang melawat Malaysia sa-hingga 12hb Disember, 1968, berbanding dengan angka bagi tempoh yang sama tahun 1967;
- (b) warganegara mana-kah yang paling ramai melawat Malaysia;
- (c) ada-kah benar bahawa layanan yang di-beri kepada mereka oleh pehak imigereshen dan kastam Malaysia selalu tidak memuaskan;
- (d) berapa buah badan atau wakil sukarela sa-takat ini yang bertanggung-jawab memberi layanan kepada pelanchong²; dan
- (e) apa-kah layanan istimewa yang telah di-berikan oleh Kementerian ini untuk menarek lebeh ramai lagi pelanchong luar negeri ka-Malaysia.

Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, jawapan² kepada soalan itu ada-lah seperti berikut:

- (a) Bilangan pelanchong yang melawat Malaysia daripada Januari sa-hingga Oktober, 1968, ia-lah 40,850 orang berbanding dengan 34,970 orang dalam tempoh yang sama pada tahun 1967. Bilangan ini berasas atas hitungan banyak pelawat² masuk terus di-lapangan terbang dan pelabuhan.

(b) Warga negara Amerika Sharikat ada-lah yang paling ramai sa-kali membuat lawatan ka-Malaysia.

(c) Ada-lah tidak benar bahawa Penguasa Imigreshen dan Kastam Malaysia telah memberi layanan yang tidak memuaskan terhadap pelanchong². Sa-benar-nya Undang² Imigreshen dan Kastam Malaysia ada-lah yang sa-habis² longgar sa-kali dan kebanyakan-nya pula pemereksaan ada-lah di-jalankan hanya dengan mulut. Pelanchong² tidak di-kehendaki mengisi borang² mengenai mata wang bagitu juga borang² mengenai barang² atau lain² peratoran yang tertentu. Pegawai² Imigreshen dan Kastam biasa-nya menjalankan kerja² mereka terhadap pelanchong² dengan sa-berapa chepat yang boleh.

(d) Sa-banyak 104 sharikat perjalanan dan penguasa² pengembaraan di-Malaysia pada masa sekarang yang bertanggung-jawab bagi melayani pelanchong yang melawat ka-negeri ini berbanding dengan 17 buah sharikat dalam tahun 1959 apabila Jawatan Pelanchongan di-tubuhkan.

(e) Sa-lain dari pengiklanan seranta, perchetakan dan pembahagian risalah² dan bahan seranta yang biasa di-usahakan, Kementerian telah juga memulakan satu programme layanan di-dalam tahun yang lalu.

Di-bawah programme tersebut Penguasa² Pengembaraan Wholesale yang besar² di-negeri luar dan penulis perjalanan yang mashor telah di-jemput melawat Malaysia untuk meninjau sambil mengenali dengan sa-chara yang lebeh mendalam lagi mengenai negeri ini. Dua orang wholesalers dan sa-orang penulis perjalanan telah membuat lawatan ka-Malaysia di-bawah programme ini. Ada-lah di-perchayai dengan pengalaman dan pendapat² yang telah di-perolehi oleh mereka itu mengenai negeri kita ini, mereka akan sa-terus-nya dapat menjalankan usaha² seranta dan membolehkan mereka menjual lebeh banyak lagi perjalanan ka-negeri Malaysia ini.

Sa-orang pakar telah di-dapati untuk membantu menyediakan ranchangan kemajuan pelanchongan besar²an atas laporan Jawatan-kuasa Kerja mengenai pelanchongan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah telah sampai ka-pengetahuan Kementerian yang berkenaan bahawa ada sa-tengah² pelanchong yang melawat negeri kita ini mereka itu terkena samun atau rompak, dan apa-kah ikhtiar kalau ada untuk mengatasi masaalah ini?

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Itu soal pelanchongan sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ini soal keamanan negeri dan patut-lah di-jaga oleh Polis.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri Yang Berhormat sedar baharu² ini pelanchong dari Australia telah datang melawat di-Pulau Pinang dan lawatan itu hanya kesempatan di-beri hanya satu jam sahaja? Jadi banyak wakil² pelanchong telah membuat bantahan terhadap masa yang sa-bagitu singkat. Apa-kah tindakan Menteri Yang Berhormat di-atas layanan² tersebut?

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini telah tidak di-beri tahu fasal tempoh yang sangat singkat itu dan kita akan mengambil tindakan supaya menasehati badan² yang melayani pelanchong supaya di-ator masa yang chukup luas untuk pelanchong² mengalami pandangan di-Pulau Pinang itu.

Tan Sri Haji Nik Ahmad Kamil: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan dengan kerjasama dan pesertaan sharikat² private yang membuat kerja menjaga pelanchong berchadang menghantar orang² kita di-sini keluar negeri belajar atau berlateh bagaimana chara-nya hendak melayani pelanchong², sunggoh pun saya faham kita ada bawa pakar² di-negeri ini, tetapi ada-kah Kerajaan berchadang hendak menghantar pemuda atau pemudi kita keluar negeri kerana berlateh bagaimana-kah chara²-nya hendak melayani, atau hendak menjaga pelanchong² supaya kita boleh memberi perkhidmatan dengan chukup puas hati.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada ranchangan sa-takat ini hendak menghantar orang keluar negeri untuk melateh orang² bagi melayani pelanchong² kerana kami perchaya latehan ini dapat di-jalankan dalam negeri ini sendiri, mithal-nya latehan telah di-jalankan supaya pelayan² dalam restoran dan hotel dapat menyikap mereka sendiri supaya pelanchong² berpuas hati kepada perkhidmatan mereka; pemandu² teksis² telah di-beri lecture dan pejabat² yang berkenaan dengan kemasokan pelanchong saperti Imigresen dan Kastam telah juga di-beri lecture² tentang bagaimana harus melayan pelanchong². Kalau-lah latehan saperti yang di-chadangkan Ahli Yang Berhormat itu perlu

Tuan Yang di-Pertua: Dia bukan berchadang, dia bertanya ada atau tidak.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Saperti yang telah di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu perlu sa-kali, maka boleh-lah kita timbangkan.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri tahu ia-itu sa-bahagian yang besar daripada pelanchong² yang masok ka-Malaysia datang-nya daripada negeri Thai dan ada-kah statistik² ini di-kumpulkan daripada tempat² mereka² ini masok ka-dalam negeri ini ia-itu daripada Padang Besar dan Changlong.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Statistik² yang kita ada sekarang ini telah berasaskan kepada kemasokan di-lapangan terbang dan pelabohan sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini berarti statisik berkenaan kemasokan daripada Thai tidak-lah dapat di-kumpulkan sekarang ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, di-bawah soal pechahan (e) dalam soalan ini berkenaan dengan layanan istimewa, ada-kah pehak Kementerian ini menolong badan² yang berkhidmat untuk pelanchong² ini bagi mengadakan teman² sosial dan penterjemah².

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Pertanyaan ini akan di-jawab pada hari ini juga, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mohon di-tanggohkan jawapannya.

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, baharu² ini pelanchongan dari luar negeri telah mendarat di-Pelabohan Port Swettenham dan Jabatan Pelanchong telah menyajikan tarian bagi menyambut pelanchong² itu. Sa-jauh mana-kah kejayaan yang telah di-kaji oleh Jabatan Pelanchongan dengan hasil tarian yang telah di-tayangkan bagi membawa pelanchong dari luar negeri?

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sistem yang sangat betul untuk meninjau bagaimana orang² ini telah di-pengarohi oleh sambutan demikian, tetapi yang kita tahu ia-lah mereka sangat menghargakan sambutan yang demikian.

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri Yang Berhormat sedar dengan chara kita menayangkan tarian kepada pelanchong² yang datang dari luar negeri pada waktu sampai itu, ini menunjukkan satu publicity murah kebudayaan kita kepada mereka?

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Speaker, apa erti publicity "murah" ini? Ada-kah "monetary term" atau pun "derogatory term"?

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin: Terima kasih kalau Yang Berhormat Menteri tidak faham.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu kurang terang sa-benar-nya.

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, dengan kita menyajikan tarian² kebudayaan kita kepada pelawat² di-luar negeri sama ada di-Port Swettenham atau di-Lapangan Terbang Subang atau di-mana² sa-kali pun di-negara kita ini, ada-kah dengan sebab lakunan yang kita lakukan itu, ini kita menyajikan, menunjukkan satu chara yang lebeh murah dalam penghargaan kita kepada kebudayaan kita sendiri?

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah dengan menunjukkan tarian kebudayaan negeri ini kepada pelanchong² yang datang melawat negeri kita telah di-amalkan oleh negeri² asing lain daripada Malaysian ini?

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Di-Hawaii seperti yang kita tahu. Tuan Yang di-Pertua, kita ada melihat bahawa gadis² yang chantek datang menyambut orang² atau memberi sagelas ayer nenas. Ada juga kita melihat mereka berpakaian rumput menyambut kita.

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah itu satuendorongan dengan ala-Hawaiian itu membawa kita pergi mengikuti, dan boleh-kah Yang Berhormat Menteri menerangkan negeri mana yang lain boleh menunjukkan sa-lain daripada Hawaii.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Indonesia ada.

TEKET² TOTO DARI SINGAPURA

5. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah beliau sedar bahawa teket² TOTO dari Singapura sedang di-edarkan di-kalangan penduduk² negeri ini, dan jika ya, terangkan bilangan teket² dan wang tunai yang telah di-rampas.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi yang pertama-nya ia-lah saya sedar, dan satu tangkapan telah dilakukan dalam bulan Oktober, 1968 ka-atas sa-kumpulan penjual² teket² tersebut. Hasil penangkapan itu ia-lah rampasan ka-atas sa-jumlah 10,355 keping teket² dan wang tunai sa-banyak \$443.10.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini sedar bahawa ada sa-jenis loteri yang datang-nya dari Singapura telah di-halalkan penjualan-nya ka-dalam negeri ini?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar;

Tuan Ahmad bin Arshad: Kalau tidak sedar, ada-kah Kementerian ini sedia, mengkaji untok berunding dengan Kerajaan Singapura supaya dapat di-benarkan penjualan ticket loteri Kabijakan Masharakat kita supaya di-jual di-Singapura, yang mana kita tahu bahawa ticket kita ini banyak di-seludupkan di-sana?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah perkara dalam jagaan Kerajaan Singapura sendiri, tak tahu-lah sama ada kita boleh menjual atau pun tidak di-Singapura, terserah-lah kepada Kerajaan Singapura menimbangkan. Sa-takat yang saya tahu ada undang² di-Singapura yang melarang penjualan ticket Welfare kita di-sana.

Tan Sri Haji Nik Ahmad Kamil: Dato' Yang di-Pertua, apa-kah sa-benar TOTO ini, saya tidak faham?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Saya pun yang sa-benar-nya tidak begitu faham, sebab saya belum lagi menchuba menikam nombor TOTO ini, tetapi sa-takat yang saya tahu daripada penyiasatan polis terhadap kes yang tersebut tadi, TOTO ini ialah chabutan nombor yang dalam mana di-bahagi hadiah yang sa-chara besar, rasa saya, jikalau orang yang membeli ticket itu menikam nombor yang terkeluar pada masa hari draw itu.

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin: Soalan tambahan, ada-kah Menteri ini sedar bahawa Ahli yang menanya itu ahli TOTO.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Boleh jadi juga (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di-antara jenis loteri² TOTO ini ada satu jenis yang di-dalam-nya di-pakai angka sial dan tidak sial sa-lain daripada TOTO yang di-sebutkan ini.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Saya tidak ma'alom, barangkali Ahli Yang Berhormat bermain perkara ini, barangkali dia lebeh ma'alom daripada saya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ma'afkan saya, bukan masaalah saya suka main atau pun tidak. Saya hendak tahu daripada Kerajaan, ada-kah Kementerian ini sedar berapa jenis loteri² TOTO yang ada di-sini, termasuk satu jenis yang di-dalam-nya, di-nerachakan kepada angka sial dan tidak sial. Kalau tak tahu, lebeh baik saya jadi Menteri, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Saya tidak sedar, saya menerima kaseh-lah kepada Ahli Yang Berhormat memberitahu saya atas perkara ini.

PENGHANTARAN PENUNTUT² MARA KA-SOVIET UNION DAN KA-NEGERI² SEBERANG LAUT

6. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Ta' Berjabatan:

- (a) ada-kah benar bahawa MARA berchadang menghantar penuntut² ka-Soviet Union; jika ya, dalam bidang pengetahuan apa dan bilangan mereka yang akan di-hantar; dan
- (b) setakat ini berapa bilangan penuntut² MARA yang telah di-hantar ka-seberang laut, ka-negara² mana-kah mereka di-hantar dan sama ada mereka menerima biasiswa² dari negara² tersebut.

Menteri Ta' Berjabatan (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, jawapan (a), perkara ini maseh dalam timbangan. Jawapan (b), jumlah penuntut² yang ada di-seberang laut yang di-hantar melalui MARA saramai 536 orang. Negeri² di-mana tempat sedang mereka melanjutkan pelajaran itu ia-lah India, Amerika Sharikat, Australia, New Zealand, United Kingdom, Jermani, Pakistan, Singapura, Jepun, Taiwan, Republic Arab Bersatu dan Austria.

182 orang daripada jumlah penuntut² itu mendapat sa-paroh bantuan daripada Kerajaan² Negeri tersebut dan 35 mendapat bantuan penuh.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah benar Yang Berhormat Menteri ini telah memberi ucapan di-majlis² yang mana hendak menghantar penuntut² kita di-negeri ini ka-Negeri China Kominis. Jadi kalau benar, apa-kah yang mendorongkan Yang Berhormat Menteri itu memberi ucapan yang sa-demikian?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya tidak pernah mengatakan bahawa MARA telah menghantar penuntut² ka-Negeri Kominis China. Apa yang pernah saya sebutkan, jika sa-kira-nya perhubungan diplomatik dapat di-adakan dan sa-telah Kominis China mengubah sikap-nya terhadap negeri kita saperti perubahan sikap yang dilakukan oleh Kerajaan Russia dan jika di-dapati patut kita menghantar penuntut, maka kita akan menimbangkan-nya.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah MARA akan menjadikan satu amalan yang berlanjutan dalam usaha mengumpulkan tabong Yayasan MARA dengan memanggil Intisari Pop dari Indonesia?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya akan berbuat apa sahaja dengan chara yang halal dimana sahaja kami boleh mendapat wang untuk memenohkan chita² kami ini.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan dalam jawapan (b) oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Berasas keistimewaan apa dan demikian juga jenis-nya pengetahuan penuntut² kita yang di-beri peluang keistimewaan biasiswa itu?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya rasa tidak termasuk dalam soalan ini.

Tuan Ahmad bin Arshad: Sebab Yang Berhormat Menteri telah mengatakan ramai jumlah penuntut² yang kita hantarkan ka-luar negeri. Jadi kita berikan keutamaan pada penuntut²

yang kita hantar itu atas dasar apa, atau asas apa yang kita berikan kepada mereka?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya suka membachakan soalan ini, perkara atas soalan . . .

Tuan Yang di-Pertua: Bukan atas soalan itu tetapi atas jawapan, jika jawapan itu kena.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tidak ada soalan-nya, dan saya tidak bersedia memberi jawapan.

Tuan Ganing bin Jangkat (Sabah): Tuan Yang di-Pertua, sa-takat ini berapa bilangan penuntut² MARA dari Sabah yang di-hantar belajar luar daripada Malaysia.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya meminta maaf tidak dapat menjawab kerana tidak bersedia.

RUNDINGAN DENGAN PERWAKILAN PERSEKUTUAN PERUSAHAAN BRITISH YANG MELAWAT MALAYSIA PADA OGOS, 1968

7. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** bertanya kepada Menteri Kewangan:

(a) apa-kah hasil rundingan-nya dengan satu Perwakilan Persekutuan Perusahaan British yang terdiri dari sebelas orang yang melawat Malaysia dalam bulan Ogos tahun 1968;

(b) apa-kah kaitan mereka dengan wang sa-jumlah £25 juta (\$183.75 juta) yang di-beri oleh British kepada Malaysia berikutan dengan penarekan bala tenteranya dari negeri ini;

(c) ada-kah benar bahawa mereka telah membuat rundingan mengenai perlombongan di-beberapa Negeri di-Malaysia Barat termasuk Pulau Pinang, Perak dan Selangor, dan jika benar, apa-kah hasil rundingan tersebut.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya berada di-luar negeri dalam bulan Ogos, 1968, saya tiada peluang berjumpa dengan pengusaha² British yang

melawat negeri kita ini. Walau bagaimanapun lawatan mereka ada-lah untuk menyiasat kemungkinan menambah lagi perdagangan dan penanaman modal British di-dalam negeri ini. Tawaran bantuan khas British kepada Malaysia untuk mengurangkan sa-tengah daripada kesan² ekonomi penarekan Tentera British itu ada-lah soalan yang lain. Bantuan ini tidak ada hubungan dengan penanaman modal "private" dan ia merupakan suatu perkara yang akan di-selesaikan tidak lama lagi antara Kerajaan² Malaysia dan British.

Soal melombong di-Malaysia Barat ada-lah juga soal lain dan perundingan mengenai hak² itu ada-lah dengan sharikat² lain bukan dengan pengusaha² British sa-bagai suatu golongan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, meski pun Yang Berhormat Menteri kita tidak ada dalam negeri pada masa itu ada-kah di-dalam tugas Kementerian-nya mengambil tahu bahawa rombongan yang sa-belas orang di-ketika melawat Malaysia ini mengkait²kan urusan private mereka itu dengan pemberian £25 juta, dan perkara ini sudah di-siarkan dalam surat-khabar dan sudah jadi masaalah apa-kah bantuan itu melalui private sector di-negeri British.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, itu soal yang lain.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, ma'afkan saya kalau saya silap. Apa yang saya sebutkan ini ada-lah terkandung di-dalam pechahan (b) dalam soalan ini ia-itu kaitan mereka dengan jumlah £25 juta pemberian British berkenaan dengan penarekan tentera. Saya menerima kaseh di-atas penafian Menteri bahawa perkara ini tidak bersangkut-paut dengan asas yang kita tahu, tetapi rombongan ini mengkait²kan dalam surat-khabar semua tersiar.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I tried to explain to the Honourable Member that these are two different things. Obviously, the Honourable Member must not accept that whatever is written in the newspapers is completely correct.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menerima kesemua apa yang di-katakan oleh surat-khabar, terutama surat-khabar² yang Ahli² Perikatan banyak share dalam-nya. Tetapi yang saya hendak tanya ada-kah Kementerian kita mengambil tahu di-atas kegiatan rombongan itu mengkaitkan diri mereka dengan £25 juta; itu yang saya tanya.

Tun Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, the £25 million aid is a matter between the Malaysian and the British Governments—that is a Government matter. The question of British industrialists investing in this country is an entirely different matter. I do not see any connection between the two and I have tried to explain that to the Honourable Member.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya kita dapat bukti bahawa rombongan private ini mengkait²kan diri-nya dengan urusan² official ada-kah Kementerian kita ini dapat membuat kenyataan bahawa perkara itu tidak patut berlaku di-negeri ini.

Tun Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I still do not know what the Honourable Member is trying to drive at, because I have been trying to explain to him that this £25 million aid is a matter between the British and the Malaysian Governments, whereas the question of British industrialists investing in this country is entirely separate.

Tuan Yang di-Pertua: Nampak-nya Ahli² tidak ada pas bagitu tinggi tidak memahami soal²-nya (*Ketawa*).

TUNTUTAN KENAIKAN GAJI OLEH KESATUAN PEKERJA² LEMBAGA LETRIK NEGARA PADA SEPTEMBER, 1968

8. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apa-kah kesudahan tuntutan kenaikan gaji yang di-buat oleh Kesatuan Pekerja² Lembaga Letrik Negara dalam bulan September, 1968 yang lalu; dan ada-kah Kerajaan telah menunaikan tuntutan tersebut.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Letrik Negara masih lagi berunding dengan Kesatuan Pekerja² Lembaga Letrik Negara. Lembaga telah memberi tawaran kepada kakitangan² yang dalam Bahagian IV dan dalam Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar. Kenaikan Gaji yang sama seperti yang telah di-persetujukan di-antara Kerajaan dan kakitangan² dalam Bahagian IV dan dalam Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, mengapa, N.E.B. ini mengambil masa begitu lama nampak-nya 2½ atau 3 tahun sudah tuntutan ini yang di-beri oleh Kesatuan Pekerja² N.E.B. telah di-berikan kepada N.E.B. dua tiga tahun dahulu dan mengapakah N.E.B. belum selesaikan perkara ini sampai hari ini.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tan Sri Dr Lim Swee Aun) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, although the claim was made by the union some two years ago, this matter was suspended for quite some time, agreed to by the union, until the issue of the Suffian Report. Since then the Board has made its offer similar to what has been accepted by the I.M.G. and Division IV in the Government.

Dr Tan Chee Khoon (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister of Commerce and Industry aware that the Suffian Report has been made public more than a year ago and this claim by the N.E.B. Workers' Union preceded the publication of the Suffian Report by perhaps more than two years? The Minister has stated that the Board has made an offer similar to that made to the I.M.G. group of workers in the Government Service. Is the Honourable Minister of Commerce and Industry aware that the employees of the N.E.B. are not on all fours with the I.M.G. group of workers and as such, it should not very strictly be tied to the offer made to the I.M.G. group of workers? Will the Minister be more flexible in his negotiation with the N.E.B. Workers'

Union in respect of their claim, which has taken, I think I am correct in saying, more than three years?

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: Mr Speaker, Sir, the Union put in their claim whilst the Suffian Commission was already carrying on its work and making its investigations before it made its Report. That was why the Board did not carry on with the negotiation with the union until the findings of the Suffian Report, the reason being that although the N.E.B. is a Corporation but the type of work done by the employees of the N.E.B. is comparable with those in the Government and naturally wage claims and wage awards are relative to the type of jobs that are being done. So, it was agreed to by the union that they would wait till the result of the Suffian Report was published. After the publication of the Suffian Report and the subsequent negotiations between the Government and the I.M.G. group and Division IV of the Government, as was agreed to by this union in August 1967, negotiations re-started between the N.E.B. Board and the union. The Board has offered the same terms as had been offered by the Government, which had been accepted for the reason that the Division IV and the I.M.G. group of the N.E.B. are comparable to similar grades in Government.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, can the Honourable Minister of Commerce and Industry tell us whether this equation between the offer to the Workers' Union of the N.E.B. and the offer to the I.M.G. group of workers is the last and final offer that the N.E.B. is prepared to make to the N.E.B. Workers' Union, or is it that there is a little room for manoeuvre on either side? Because if it is the last offer, then the N.E.B. Workers' Union should be told so and should not be led up the garden path as they have been led up the garden path for about three years.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: I think the Workers' Union is aware that this is the last offer.

PERKHIDMATAN TEMAN SOSIAL DI-MALAYSIA

9. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan sa-jauh mana-kah kemajuan telah tercapai dalam usaha mengadakan "Teman Sosial" (Social Guides) bagi menarik pelancong² yang melawat Malaysia; dan berapa-kah bayaran bagi tiap² satu jam "Teman Sosial" itu berkhidmat.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan Teman Sosial bukan-lah satu perkara keaslian kepada Malaysia. Banyak negeri² termasuk Taiwan, Hongkong dan Singapura mempunyai perkhidmatan sa-umpama ini, oleh kerana ada pelawat terdiri daripada ahli perniagaan dan ketua² kerja sharikat² yang besar yang tidak suka melancong dengan bas perlanchongan biasa atau pun melancong sa-chara di-pandu. Mereka itu lebih suka mendapat sa-saorang yang tidak sahaja berpengetahuan dengan tempat² yang di-lawati dalam negeri ini, tetapi sa-saorang yang membolehkan mereka menubuhkan perhubungan dan mengadakan pertalian perniagaan.

Perkhidmatan Teman Sosial di-Malaysia saya fahami ada-lah perniagaan berdaftar dan bayaran yang dikenakan kepada pelanggan² ia-lah \$6.00 sa-jam pada siang hari dan \$7.00 sa-jam pada waktu malam bagi tempoh sa-kurang²-nya lima jam.

Jabatan Perlanchongan Kementerian saya hanya akan mengi'tirafkan perkhidmatan atau pertubohan itu jika sa-kira-nya Persatuan Perlanchongan Tempatan telah menyiasat ka-atas pergerakan²-nya dan telah menerima perkhidmatan, atau pertubohan itu sabagai ahli.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah benar bahawa di-antara teman² sosial ini terdapat teman² wanita. Jika benar bagaimanakah pembayaran-nya pada waktu siang dan bagaimana pula pembayaran pada waktu malam.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, semua teman² sosial ini ia-lah wanita dan barangkali charge waktu malam itu lebih sedikit

kerana mengikut kadar luar daripada normal working hours.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini, sa-lama ini telah menerima bantahan² daripada badan² persatuan kebajikan atau pun badan siasah berhubung dengan ranchangan teman sosial ini.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada bantahan rasmi telah di-terima oleh Pejabat Pelancongan ini.

BILANGAN DAN PEMBENAAN SEKOLAH² MENENGAH JENIS KEBANGSAAN (INGGERIS), SE- KOLAH² MENENGAH JENIS KE- BANGSAAN (CHINA) DAN SE- KOLAH² MENENGAH KEBANG- SAAN

10. Pengiran Tahir Petra (Sabah) bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) berapa banyak-kah (i) Sekolah² Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris) dan (ii) Sekolah² Menengah Jenis Kebangsaan (China), termasuk Sekolah² yang mendapat bantuan Kerajaan, yang telah di-bena dalam Negeri Sabah sa-takat ini;
- (b) berapa banyak lagi (i) Sekolah² Jenis Kebangsaan (Inggeris) dan (ii) Sekolah² Jenis Kebangsaan (China) yang akan di-benar dalam Negeri Sabah;
- (c) oleh kerana Sabah memerlukan Sekolah² Menengah Kebangsaan, ada-kah dia akan mempercepatkan pembenaan sekolah² seperti itu, jika ya, di-mana sekolah² itu akan di-bena dan bila pembenaan akan di-mulakan.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua (a) bilangan Sekolah² Menengah Kerajaan dan yang di-bantu yang telah di-bena di-Sabah sa-takat ini ia-lah besar. Berikut:

Menengah Kerajaan pengantar				
Inggeris ...	...	...	...	11
Pengantar China	...	...	...	0
Menengah bantuan pengantar				
Inggeris ...	...	...	...	30
Pengantar China	...	...	...	3

(b) bilangan sekolah² yang akan dibena dalam tahun 1969 ia-lah seperti berikut:

Menengah Kerajaan pengantar	
Inggeris	3
Pengantar China	0
Menengah bantuan pengantar	
Inggeris	2
Pengantar China	1

(c) tidak ada peruntukan bagi membena Sekolah Menengah Pengantar Melayu di-Sabah di-bawah Rancangan Malaysia Yang Pertama. Akan tetapi satu darjah pengantar Melayu telah di-buka di-Maktab Sabah, Kota Kinabalu, pada tahun sudah. Empat lagi akan di-buka di-Maktab tersebut pada tahun ini dan di-lain² kawasan di-Sabah di-mana guru² boleh diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kebenaran menjawab terhadap tegoran², chadangan², yang telah dibangkitkan pada masa perbahathan.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Timor, dan juga Ahli dari Hilir Perak menchadangkan supaya Kerajaan menubuhkan satu badan untuk menjaga nasib² anak² perwira yang telah gugor atau pun menubuhkan satu Badan Biasiswa Pelajaran untuk anak² itu, dan menggesa Kerajaan mengambil perhatian terhadap nasib Anggota² Polis dan meminta jaminan supaya keluarga² mereka yang terkorban didalam masa menjalankan tugas ini mendapat pertolongan Kerajaan seperti bantuan dalam bentuk penchen atau mengadakan insuran untuk isteri² dan anak² mereka yang tinggal itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah di-jelaskan beberapa kali didalam Dewan ini bahawa Kerajaan sentiasa ingat dan memandang dengan teliti-nya di-atas kebajikan isteri² dan anak² Anggota Polis yang telah terkorban dalam masa menjalankan tugas² mereka itu. Untuk kebajikan keluarga² Anggota Polis yang terkorban dan juga Ahli² Pasokan Keselamatan yang lain, beberapa peratoran yang tertentu telah pun sedia di-laksanakan. Sa-lain daripada pembayaran sa-tahun gaji, penchen bulanan mengikut kadar yang tertentu juga di-bayar pada balu² serta anak² tanggungan mereka menurut peratoran 3 (a) Police Pension Rule dan juga peratoran Internal Security Injury Allowances, tahun 1960. Dan barangkali juga Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum bahawa manakala kechelakaan menimpa sa-suatu keluarga Anggota Polis dan Anggota Tentera yang kehilangan suami dan bapa bayaran wang sagu hati dengan segera-nya di-keluarkan dari Tabong Pertahanan Negara. Wang perbelanjaan mengebumikan orang² yang terkorban pun di-keluarkan dari peruntukan Kerajaan dan pehak Anggota

Polis di-Raja Malaysia sendiri juga tidak sunyi sa-bagai memberi tambahan, mengeluarkan bantuan lagi kepada Tabong Wang Polis untuk perbelanjaan pada keluarga² yang malang itu dan sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat barangkali sedia ma'alum satu Tabong Kebajikan Perwira Negara telah di-adakan dan tabong derma ini akan, dan telah pun mula di-gunakan untuk keperluan anak² ahli² bekas Pasokan Keselamatan yang telah terkorban atau yang telah terchedera parah pada masa menjalankan tugas² mereka terutama sa-kali di-lapangan pelajaran.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah juga membangkitkan perkara Tarian Bogel Sa-Kerat yang di-katakan di-adakan di-satu hotel di-Ibu Kota disini. Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah memberi penjelasan perkara public entertainment untuk orang ramai ini ada-lah satu tanggung-jawab Kerajaan Negeri dan night club, pertunjukan² dalam night club itu ada-lah di-kehendaki memperolehi lesen terlebih dahulu daripada Pegawai² Jajahan yang akan menapis, menyelideki dengan halus-nya, menimbang dan kadang²-nya memerhati dengan sendiri atas satu² pertunjukan night club yang akan di-adakan di-satu² tempat dalam bandar sa-belum kelulusan di-beri. Jika sa-kira-nya daripada preview pertunjukan khas di-adakan bagi ahli² penyemak ini di-dapati ada pertunjukan² itu termasuk di-kalangan ma'ana perkataan luchah, maka sama ada pertunjokkan itu tidak di-benarkan sama sa-kali atau pun di-larang di-tunjokkan satu² achara pertunjukan yang di-fikirkan luchah. Tetapi kalau sa-kira-nya daripada penyemakan di-dapati pertunjukan² ini boleh di-tunjokkan kepada orang ramai, maka lesen untuk di-adakan pertunjukan ini biasa-nya akan di-luluskan oleh Pegawai² Jajahan di-tempat masing².

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara menyatakan bahawa ada anasir² yang hendak merosakkan keharmonian ra'ayat negeri ini, dengan itu beliau telah mengshorkan supaya pasokan kawalan tetap di-kampong² untuk menjaga keamanan di-tubuhkan dan di-adakan pendaftaran penghuni (tenant

registration) di-kuat-kuasakan sa-mula di-dalam negeri ini. Tentang perkara ini dan chadangan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat keadaan di-waktu ini dalam negara di-Malaysia Barat di-fikirkan tidak memerlukan penubohan pasokan kawalan tetap dan pengenalan sa-mula Undang² Pendaftaran Penghuni.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Utara pula telah menchadangkan bahawa sa-belum Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengeluarkan entry permit untuk sa-saorang, maka hendak-lah orang itu terlebih dahulu boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan faseh, telah terdapat juga katanya orang² yang Kad Pengenalan Merah untuk berdagang di-sini, tetapi tidak tahu sedikit pun berchakap dalam bahasa Melayu. Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran permit masuk untuk sa-saorang ka-dalam negeri ini ada-lah terta'alok dengan peratoran² di-bawah Undang² Imigresen Larangan, atau pun Immigration Prohibition of Entry Order, 1963, dan di-dalam peratoran ini kepandaian bertutor dalam Bahasa Kebangsaan tidaklah merupakan satu² syarat yang terchatit di-dalam-nya. Jadi, bagi kita mengenakan syarat ini ia-itu syarat supaya sa-saorang yang hendak masuk umpama-nya melawat sa-minggu, dua minggu dan tiga minggu di-sini mempunyai kebolehan dalam Bahasa Kebangsaan ada-lah pada pendapat saya syarat yang begitu ketat. Berkenaan dengan orang² yang dudok tetap di-dalam negeri ini, ini satu daripada perkara yang akan di-kaji apabila ada satu² permohonan daripada sa-saorang supaya di-beri ia kebenaran dudok tetap di-sini ada-lah perengkat bagi sa-saorang itu kelak memperoleh kera'ayatan dalam negara ini. Jadi, sa-belum orang itu di-beri taraf dudok tetap di-sini perlu juga bagi Kementerian ini mengetahui sama ada orang² yang memohon kebenaran dudok tetap di-sini yang lambat laun akan menjadi warga-negara ada mempunyai kebolehan dalam bertutor Bahasa Kebangsaan.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh telah menchadangkan supaya filem² yang di-bawa masuk ka-negeri

ini untuk di-tayangkan di-panggung² wayang dan juga di-talivishen mengenai rompak dan juga penchurian hendak-lah di-tegah (ban) daripada di-tayangkan kepada orang ramai, oleh kerana filem ini kata-nya berthema rompak ini mempunyai pengaruh yang dalam pada anak² muda di-negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, tiap² filem yang di-bawa masuk ka-negeri ini sa-belum di-tayangkan di-panggung² wayang, pada orang awam ada-lah di-tapis terlebih dahulu oleh satu Lembaga Penapis yang di-lantek khas mengikut undang² dengan mengandongi orang² yang bertanggung-jawab mewakili semua lapisan masyarakat. Dalam anggapan lembaga itu sa-suatu filem yang berthema rompak dan penchurian akan hanya di-halangi untuk penayangan kepada orang awam, jika sa-kira-nya kejadian² dalam cherita itu memberi kesan² seperti yang berikut: sadisma atau pun sadistic—sadism atau mengandongi pengaruh yang tidak baik kepada anak² muda dalam negeri di-mana cherita² itu akan menunjukkan bahawa jenayah akan mengatasi keadilan. Pada pandangan saya kebanyakan filem² yang berthema rompak² dan juga penchurian yang telah di-luluskan untuk di-tayangkan kepada orang ramai memberi kesimpulan ia-itu sa-bagaimana bijak dan mahir sa-saorang perompak, atau penchuri itu akhir-nya ia dapat di-bawa ka-keadilan. Ini sudah tentu merupakan satu pengajaran kepada anak² muda di-negeri ini bahawa kata orang "crime does not pay".

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara ada membangkitkan berkenaan dengan kebimbangan atas penyalah-gunaan kuasa² yang di-berikan di-bawah Undang² Pencegahan Jenayah (Prevention of Crime Ordinance) atau pun Undang² Penghad Dudok Tempat Kedudukan atau pun Restricted Resident Ordinance.

Sir, as the Honourable Member himself has pointed out in his speech, this Ordinance is very necessary and the Honourable Member himself is fully aware of the menace and dangers posed by secret societies: many crimes under the law such as murder, kidnapping, extortion, big time gambling

and prostitution have connections with secret societies. It is for this reason, therefore, that the Government had deemed it necessary to have this Ordinance passed to curb and curtail, if possible, the activities of members of secret societies. One of the main purposes of this law is to enable strict supervision to be imposed on members of secret societies, criminal gangs, thugs and the activities of traffickers in opium and women and promoters of unlawful gaming, which are connected with secret society protection rackets and notorious criminals, and that in the event where they are hard core secret society elements, they have to be restricted to a place as far away as is practicable from the area where they have been operating. I am not wrong in saying, I think, that the activities of members of secret societies and thugs have been successfully curbed in some places and in a number of places completely curtailed as a result of the steps taken under powers provided for under the two laws.

We know too that too many of the elements of the secret societies' world, lengthy period of supervision by the Police and restriction to remote areas from their original areas of operation and home is a thing that is very dreaded—more than confinement in prison. As for the fear of the Honourable Member that there may be abuse of powers under the provisions of this Ordinance, against the possibility of unwarranted and unjustifiable detention of innocent people, there are provisions under the law itself and under administrative procedure to ensure that arrests and detentions are supported by sufficient evidence justifying the holding of an enquiry and that there is no unreasonable delay in completing proceedings under the Ordinance. If no reasonable ground exists, or if there has been unreasonable delay in completing the enquiry, the Magistrate is empowered under the Ordinance to order the immediate release of any person so detained. The Honourable Member is probably aware also that when a subject of enquiry or a suspect is arrested, he must be produced before a Magistrate and the suspect himself, or the counsel retained by him, can at

this stage apply to the Magistrate for his release by adducing evidence to show that there are no grounds for him to be lawfully detained and the Magistrate has the power, and, in fact, he must order the release, if in fact there appears to him to be no grounds for such detention. This the suspect can do everytime he is produced before the Magistrate for further remand. In my view, there is no purpose in setting up an independent Board of Review, as suggested by the Honourable Member, to decide on whether there is justification for an arrest and detention for the period before an enquiry, because such functions can be satisfactorily discharged by the Magistrate at a judicial hearing as provided for under the Ordinance. It is not true, I must say, that after a period of 70 days detention, the suspect will have to report daily to the police station. Provisions exist in the Ordinance requiring the suspect to be under a bond and supervision of the Police for the maximum period of 42 days after the 70 day period of remand. He has to be—and, in fact, he must be—released on the expiry of the 42 days or on receipt of an Order from the Home Ministry, whichever is the earlier.

As for the Honourable Member's statement that the hearing is in closed court and that the police witnesses are not subjected to cross-examination, I would, if I may, clarify that the hearing is not entirely in a closed court. It is an open hearing, but if the Enquiry Officer considers it necessary in the public interest that he receive the evidence of the witnesses in the absence of the subject of the enquiry, he can order the subject of the enquiry to be taken out of the Court, when the witnesses give their evidence. This is a very necessary provision under the law because, as the Honourable Member knows, people are scared, people are very frightened to come forward to give evidence against members of secret societies. In order that they are not afraid to do so, and in order that the lives and safety of such persons are protected, this provision that the evidence of the witnesses be given in the absence of the subject of the enquiry is very necessary.

As for the Honourable Member's statement that the Ordinance is used in cases involving smuggling, unlawful gaming and prostitution, I must explain here that under Section 12, Part II of the Schedule to the Ordinance traffickers in opium (*chandū*) and other deleterious drugs, trafficking in women and girls, including persons who live wholly or in part on the proceeds of prostitution, and persons who are habitually concerned in the organisation and promotion of unlawful gaming, come under the categories of persons who are registrable under this Ordinance and who, therefore, can be dealt with under this Ordinance. But I can assure the Honourable Member that this provision of the law will not generally be made applicable to any form of gambling. It has been the policy of this Ministry to have recourse to the provisions of this law only in regard to persons who, as the law has provided, habitually concerned themselves in big time gambling, where there is evidence of secret society connection. If there is no secret society connection we would prefer that they should be dealt with under the ordinary trial in open court.

As for the Honourable Member's suggestion that the Government should stipulate that statements from reliable and independent witnesses are mandatory, in addition to evidence from witnesses from the police, I would also like to clarify that any subject of enquiry is entitled to have his witnesses produced at the enquiry either at his own insistence or initiative or preferably requesting the Magistrate to issue summons to such witnesses. In point of fact, in all cases the Enquiry Officer has, to my knowledge, never failed to issue summons to witnesses who have been requested to give evidence by subjects on their behalf at the enquiry. I know of a number of cases where the Enquiry Officer refused to make an order of registration and detention, where witnesses for the subjects have been accepted and have been believed as a good evidence of character or conduct of the subject of the enquiry concerned.

As for the Honourable Member's statement that persons have been sentenced to imprisonment for breaking the condition of the restrictive bond to stay indoor within a certain period, or even a few days before the expiry of their bond, I would like to inform the Honourable Member that in the interests of the subject himself and the public as a whole, such condition in the bond is sometimes very necessary, and on the date of the execution of the bond such term is always very carefully explained to the subject concerned, and he is also warned that any infringement of this condition would entail very serious consequences under the law which specifically provides for a mandatory sentence of two years' imprisonment on conviction. It may appear to the Honourable Member, and to me too, that this provision of the law is unduly harsh, especially, as he said, if this happened to be a few days before the expiry of the bond, but this is a law which this Legislature or this Parliament has deemed fit to be passed and strictly enforced, fully realising the necessity for such a stiff and rigid law to be enforced and applied to curb, curtail and wipe out the menace posed by members of secret societies and thugs. If, fully realising the consequence of any such infringement, the subject of the bond nevertheless decides to ignore this term of the condition of the bond, then he cannot complain if he has to undergo the punishment mandatorily imposed by the law as a result of his wilful infringement of the condition.

Tuan Geh Chong Keat (Penang Utara) (*dengan izin*): Boleh-kah saya minta penjelasan. Mr Speaker, Sir, I thank the Honourable Assistant Minister of Home Affairs for the explanation and assurances. However, I must specifically point out that the thugs and gangsters do not have my sympathy. I am more concerned in seeking protection for the right of the citizens against wrongful and wilful arrest, or miscarriage of justice, by those charged to enforce the laws with the provisions intended as safeguards against prosecution. The Honourable Assistant Minister has rightfully

pointed out that under the provisions we have ample protection under the administrative procedures. But quite unfortunately—Sections 3, 4, 5, and 6 are the relevant Sections in the Ordinance covering the procedures—the administrative procedure is not a complete safeguard. In the case where a man has been detained, the Police have the power to detain him for 24 hours. Then next step would be for him to be produced before a Magistrate for an order of remand for another 14 days. Then after that, he has to be produced before the Magistrate again with a signed statement by the D.P.P. for an order of remand for another 28 days. Again, after the expiration of the 28 days, there is another provision, under Section 5 (a) for him to be produced before the Magistrate again for another 28 days' remand, making a total of 72 days. Now, the persons in charge as prescribed within this Ordinance and this relevant section cover only the Magistrate, the D.P.P. and the Attorney-General. But there is no protection in this elected body where the Minister himself covers the whole organisation. But if there is any wrongful or wilful arrest and a miscarriage of justice, the Government side has no power to step in to review or check a case. The power therefore lies in the almighty, the Police under this relevant Section. Therefore, in this case I am asking for a review whereby the law will provide for the Minister to step in, because in this democratic parliamentary system of ours the Minister must know and have a say to see that the law has been properly administered and enforced. But if we interpret as it is provided here, the Police will tell the Minister "Please, this is the law, the Parliament passed the law, I have got to enforce it, don't blame anybody for it". That would be the view of the officers, not the view of the elected representatives of this House or the Ministers as we would like to have it. Now, I am sure, as I said, the procedures are there, the administrations are there, but still there is a short gap. I am asking, under this democratic process to let the Minister have a say in it where we have such cases—and as

you know we may have in the deep seas some man-eating sharks and all that, and it is up to the Minister to hunt them. The provisions are there, but where is the justice where you have a businessman or a man, who has been doing big business in some of those amusement sections where he quite often falls foul of the law? Then the Police will step in. As I said, as we all know, the policemen of today are not the policemen of yesteryears. The officers also do business, they also participate in buying shares in big business. What about the temptation? They may have no respect for the law. Now, this is why we must have a safeguard. You know the case of the businessman—what does he fear? Goodwill and name. Once he is locked up for 70 days, God help him, the whole business will collapse and he will be at the mercy of the Police. Now, there are good police officers—and we are very proud today that we have very good, efficient officers—but we do admit that we have some black sheep. It is the black sheep that is causing the trouble to the good name of our Government. So, it is our solemn duty as well as that of the Ministers and other officers to protect the public by seeing that this small group is being looked after. Therefore I don't think there are sufficient safeguards. Even if the Minister knows of the case, he just can't review it. Within this Section it says, the Assistant Superintendent of Police, the Magistrate, the D.P.P. and the Attorney-General, but nowhere does it imply that the Minister is the administrative officer. Sir, this is my view for asking for a safeguard. Under this Section 7, it says that after the 70 days there is another 42 days, "the supervision of the Police for such period not exceeding 42 days as the Magistrate may direct". The Order is there, and it is just as provided in the Ordinance; but quite unfortunately, Mr Speaker, Sir, the Police overstep the authority. A man has got to report to the police station for 42 days, but after that what happens? He goes to ask the Corporal or the officer-in-charge, "What shall I do, my 42 days are over". The reply is,

“Saya ta’ tahu, saya tidak dapat hukuman dari kita punya pegawai. Saya ingat lebeh baik awak mesti lagi report”. So, the man has got to keep on reporting for 60 days, 70 days, 90 days; it is a prison without bars, where a man’s livelihood is being hampered; he just can’t do business.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan boleh tidak.

Enche’ Geh Chong Keat: Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri Muda atas dia punya ucapan.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua: Tetapi saya suka menerangkan ini: Yang Berhormat menerangkan berchakap panjang chuma hendak minta explain daripada Menteri ini apa yang di-mushkil. Ini sudah berchakap panjang, sudah jadi panjang sangat.

Tuan Geh Chong Keat: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, lagi sedikit sahaja, sebab Section 7 says 42 days and the Police gives the order for the man to report for 42 days. But what happens after the 42 days? There must be an Order to cancel the 42 days reporting. If you tell the man, “You can have your I.C. back but make yourself avail for presentation at any time at the pleasure of the Minister or the Police,” the man can go and do business, and he has nothing to worry. He will say, “I am all right now, the law is very fair, I can earn my living and I will make myself avail at the pleasure of the police in the cause of justice.” All law-abiding citizens want it that way; the small businessman or small tradesman, they want it that way. They ask you for a chance to make a living and if they fall foul of the law, they are prepared to pay their debt to the society. So in this case, I request the Minister to study this aspect of the law because it says that it is mandatory, that we have got to be harsh, so that where a man after restriction has only a few days to cover, a month or so after three years, then the man will not be persecuted by the various sections of the Police.

Tuan Hamzah bin Dato’ Abu Samah: Ini ada-kah penjelasan atau pun satu

pidato lagi daripada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua: Ya. Saya sudah menerangkan tadi dia patut buat penjelasan sahaja, bukan hendak berchakap balek sa-mula; penjelasan sahaja sudah berapa panjang penjelasan dia itu.

Tuan Hamzah bin Dato’ Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai penjelasan saya suka-lah menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, saya memohon berchakap dalam bahasa Inggeris.

As I have already explained in my speech, a person can only be detained for not more than 42 days after the 70 day period, and if there is no Order by the Minister after the 42 days, under the law he must be released forthwith. If the Honourable Member is aware of any case where a person is detained for a period exceeding the period of 42 days, I am only too happy to see him if he has any particular case to be brought to me. As I have explained, any detention, any remand, in excess of the 70 plus 42 day period of extension is unlawful and illegal. As for the Honourable Member’s statement that there must be an independent Board to Review, I must say, Mr Speaker, Sir, that I disagree with his view. It is no doubt a compliment on his part to the Minister when he said that the Minister is in a better position than anyone else to decide on the question of whether a person has been lawfully arrested and detained, but in my opinion, as I have explained just now, the question of whether a person is lawfully detained or not is better considered by a man who is a Magistrate.

As the Honourable Member fully realises, most of the Magistrates now are qualified and are in a better position to judge and decide a case impartially. However, where in the opinion of the Honourable Member there are cases of possibility of abuse of powers by the Police, he is always welcome to see me or any officers of the Ministry, and I give the undertaking here that whatever allegation he makes will be looked into very carefully by the Ministry. There is provision in the law, if I may say so,

whereby any aggrieved person after detention, after remand, or after an Order of detention has been made by an Enquiry Officer, can appeal direct to the Minister of Home Affairs, and the Minister on receipt of such an appeal is empowered under the law to study the record of proceedings of the enquiry and to seek the advice, the recommendation, from the law officers in regard to that particular case, and if he is of the opinion that the benefit of the doubt, if at all, should be given to the subject of the enquiry, he is empowered under the law to have the name of the man registered under the Ordinance to be completely struck off from the register and to order his release. So, if the Honourable Member is aware of any case, where he feels that a man has been wrongfully found to have been involved in any secret societies and has been ordered to be registered and detained, he can advise such people to write such appeals as provided for in the Ordinance.

Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu ada juga menyatakan bahawa kata-nya banyak sungguh orang² ahli parti PAS telah di-tangkap dan berkata kebanyakan orang parti PAS orang yang di-tangkap itu ada-kah di-tangkap oleh kerana mereka itu ahli² parti PAS dan ada-kah keburokan yang di-lakukan atau pun di-timbulkan oleh orang² PAS sahaja. Jadi, saya yang sa-benarnya tidak tahu dengan sa-benar-nya apa ma'ana tujuan perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini sama ada tangkapan yang di-katakan itu adakah tangkapan di-bawah Undang² Keselamatan Dalam Negeri atau pun tangkapan yang di-buat oleh pehak Kerajaan terhadap orang² di-bawah Undang² P.C.O. atau pun Prevention of Crime Ordinance. Kalau sa-kira-nya perkataan Ahli Yang Berhormat itu menyentohi tangkapan orang² PAS sa-ramai empat atau enam orang ahli² PAS yang di-lakukan baharu² ini di-bawah Undang² Keselamatan Dalam Negeri, maka saya suka memberi penjelasan di-sini bahawa orang² ini di-tangkap bukan kerana mereka adalah ahli² parti PAS tetapi mereka telah di-tangkap oleh kerana kami ada bukti² yang cukup—keterangan yang cukup

bahawa mereka² ini telah melakukan perbuatan² yang akan mengancam keselamatan di-dalam negara. Jadi, dengan kerana ini terpaksa kuatkuasa Undang² Keselamatan Dalam Negeri itu di-gunakan, di-tangkap orang² ahli PAS yang sa-ramai enam orang tadi. Jadi, tangkapan keenam² orang ini suka-lah sa-kali lagi memberi penjelasan, bukan-lah tangkapan oleh kerana mereka ini orang² ahli PAS.

Sa-lain daripada ini saya mengaku ada banyak orang² ahli parti PAS di-tangkap juga terutama-nya di-Kelantan di-bawah Undang² P.C.O.—Prevention of Crime Ordinance atau pun Undang² Restricted Resident Enactment kerana orang² ini di-dapati telah melakukan beberapa perkara perbuatan samsing dalam mana mereka boleh di-tahan di-bawah Undang² yang tersebut. Jadi, kalau sa-kira-nya banyak orang² PAS di-tangkap di-bawah Undang² ini bukan-lah mereka itu di-tangkap oleh kerana mereka² ini ia-lah orang² daripada parti PAS tetapi oleh kerana banyak orang² parti PAS yang telah membuat melakukan perbuatan² samsing di-dalam negeri di-mana banyak mereka telah di-tangkap. Saya suka juga memberi penjelasan bahawa perkara berkenaan dengan tangkapan ini bukan-lah bersandar kepada satu² keahlian parti² siasah sa-saorang itu kerana sabagaimana barangkali ada Ahli² Yang Berhormat di-Dewan ini boleh memberi pengesahan ada juga orang² daripada parti saya sendiri, parti UMNO telah di-tangkap oleh kerana telah melakukan perbuatan² samsing di-bawah Undang² P.C.O. atau pun R.R.

Sekian sahaja-lah, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan saya, terima kaseh.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tuan Khaw Kai-Boh) (*dengan izin*): Sir, I would like to reply to only one item raised by the Honourable Member for Segamat Utara in connection with the industrialised housing method. The Honourable Member asked whether it is desirable in this country with its high level of unemployment, particularly in the urban areas, to use the industrialised housing technique. The Honourable Member also enquired whether it is more expensive to use the industrialised housing

technique rather than the conventional building methods. Sir, at the moment, we have two pilot schemes using industrialised housing technique, one in Penang and one in Kuala Lumpur—and the one in Kuala Lumpur is in Circular Road.

Now, as the two pilot industrialised housing projects have not yet been completed, no detailed analysis has been made with regard to the work force employed on these two projects as compared to the work force in conventional housing projects of comparable size.

However, from whatever information that is available, approximately the same amount of labour as in conventional projects has been used in the industrialised housing projects. The Honourable Member probably is under the assumption that the factories producing the components are fully automated. This is not quite so. Men are required to operate machines, cranes and other mechanical devices. It is in the area of skilled labour that less skilled labour is employed, since industrialised building methods employ less carpenters, masons, bricklayers, and the like trades, than the conventional methods. But it is not in this field of skilled labour that unemployment at present exists in this country. On the contrary, unemployment prevails mainly in the unskilled labour sector, and in this respect the use of industrialised building methods enhance the use of more unskilled labourers, not only at the site but also at the factory. Skilled labour is getting more scarce and consequently more expensive, which contributes to the increasingly high cost of construction in this country since after the War.

As I have repeatedly said before, Sir, industrialised building technique ensures, in addition to lesser demand of skilled labour and increased demand of unskilled labour, quality control as well as increased productivity. Workmen working in a factory in unexposed condition and employed in repetitive processes are capable of higher productivity. Similarly with the workmen at site, whose functions are mainly to erect and position the pre-fabricated components, productivity here is also

greater. There is also the equally important consideration that workers engaged in industrialised building method work under more congenial conditions than in conventional building method, more so in the tropics as in Malaysia from exposure to the sun and the rain. The difference in the work force employed on industrialised building techniques and the conventional building method is not so much in the number employed but in the productivity. In a given time the productivity of workers in an industrialised housing project is much greater, in that they are able to build more houses or flats than in the similar conventional building scheme.

As for industrialised housing being more expensive than conventional housing, it has been said before, time and again, that in introducing industrialised housing, it is inevitable that because of the high initial investment amounting to millions of dollars, the initial projects are necessarily slightly more expensive than conventional projects; but once the initial investment in factory and equipment has been amortized, it will be possible for industrialised builders to reduce building costs for subsequent projects as has been the experience of countries in Europe—for example, France, Germany, Denmark, Italy, United Kingdom, etc. Furthermore, once a factory is established, it will have to strive to exist after the initial projects, and in this respect it will compete against the traditional builders and thus assist in bringing down the building costs in this country. It is, perhaps, for this reason that vested interests in the traditional construction sector opposed so strongly the introduction of industrialised building method as experienced in all the European countries as well as in this country. In fact, I have lost count of the number of occasions when this same question was brought up again and again, not mentioning the very strong opposition raised in this very House three years ago. There is also the further consideration that in this age of technical and scientific advancement, a developing country, such as ours, must

adopt methods which have been well tried and successfully applied in other countries, provided of course this can be suitably modified and adapted to our prevailing circumstances, which is precisely the case of the introduction of industrialised building method in this country, which is the first Asian country, and for which we are extremely proud, to have successfully implemented it and to have become a show-room to under-developed and developing countries in this particular field.

We have by now built up a pool of architects, engineers and trained technicians in this field, the long-term benefit of which to this country cannot be simply measured in narrow economic considerations and considerations of vested interests. Therefore, from the long-term point of view, the introduction of industrialised building method will bring in its wake benefits such as lower building costs, greater productivity, better quality housing and the building of a pool of scientific and technical resources. Industrialised housing achieves speed of construction, which means that buildings are completed in considerably shorter time. This will result in quicker turnover of capital employed for housing, and in the case of a housing project being financed by a loan, in saving from capitalisation of net interest and sinking fund contributions—for the time saved—in addition to the equally important consideration of being able to provide housing to those in dire need of accommodation.

Apart from the two industrialised low-cost housing projects in Penang and Kuala Lumpur, up-to-date all other low-cost housing projects, including all the “crash programme” projects are being built by conventional method. In 1968 alone tenders were awarded to contractors using the conventional method for the construction of 8,940 units, costing nearly \$33 million; thus the proportion of low-cost housing under-taken by conventional methods up-to-date is much higher than those by the industrialised building methods. Thank you, Sir.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua: Meshuarat ini di-tangguhkan.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.15 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.35 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang di-sini menguchapkan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah menegor dan juga memberi shor² bagi membaikkan kemajuan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama.

Ahli Yang Berhormat dari Batu telah membangkitkan dasar Kerajaan memperbagaikan jenis pertanian yang telah menggalakkan peneroka² menanam kelapa sawit. Beliau berasa kesal terhadap penukaran jenis pertanian sachara besar²an kepada kelapa sawit tanpa membuat penyelidikan yang betul tentang pasaran-nya dan juga tentang turun naik harga-nya dan menggesa Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama supaya menjalankan penyelidikan yang rapi berkenaan dengan segala aspek. Saya boleh memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu bahawa Kementerian saya telah pun menjalankan segala²-nya dalam soal ini dan satu Bill akan di-bentangkan di-dalam persidangan ini di-perengkat yang akan datang untuk mengkanunkan penubohan Institute Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia atau pun Malaysian Agricultural Research and Development Institute. Bill ini akan menerangkan kepada persidangan ini segala butir² yang berkenaan dengan penubohan institute itu. Ada-lah juga di-jangkakan bahawa penubohan institute tersebut akan dapat menghapuskan kekuatiran Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan masa hadapan perusahaan kelapa sawit dengan perkembangan perusahaan tersebut di-Afrika dan di-negeri² lain di-dunia.

Mengenai penyediaan tanah untuk tujuan pembangunan pertanian, saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu sedar bahawa soal tanah ini ada-lah soal Kerajaan Negeri yang berkenaan untuk memutuskan-nya. Bagaimana pun sa-takat ini belum-lah ada satu tanda yang menunjukkan keengganan Kerajaan² Negeri mengambil langkah² yang sa-wajar-nya dalam soal menguntukkan tanah yang sa-chukup²-nya bagi tujuan kemajuan pertanian di-dalam negeri masing². Chadangan mengadakan ranchangan² tanah yang besar di-beberapa negeri terutama di-negeri² Pahang, Johor dan Perak ada-lah dengan sendiri-nya menunjukkan kechenderongan Kerajaan² Negeri itu untuk memajukan perkembangan pertanian di-dalam negeri² mereka. Ada-lah satu hal yang sungguh menghairankan di-satu sa'at Ahli Yang Berhormat dari Batu telah menunjukkan kekuatiran-nya mengenai perkembangan pertanian sedang di-satu sa'at yang lain berikut pula beliau menunjukkan kekuatiran-nya mengenai dengan nasib pengimpot² buah²an akibat daripada kenaikan chukai impot buah²an dari luar negeri. Persidangan ini sedia ma'alum bahawa dengan menaikkan chukai impot buah²-an itu ini-lah satu jalan untuk menggalakkan tanaman buah²an tempatan dengan lebeh luas lagi dalam negeri ini. Ini ia-lah salah satu jalan bagi menjayakan usaha memperbagaikan jenis² pertanian dengan chara menggalakkan tanaman pokok² buah²an sayor²an di-dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara telah menegor ia-itu sungguh pun Act Penanaman Padi sudah diluluskan tetapi kuat-kuasa-nya belum di-jalankan lagi. Beliau di-beri faham kata-nya bahawa kuat-kuasa Act ini tidak dapat di-jalankan oleh sebab belum ada lagi pegawai² bagi-nya. Beliau berharap Kementerian ini atau Kementerian yang berkenaan akan mengambil perhatian berkenaan dengan hal itu. Sukachita-lah saya mema'alumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara bahawa peruntukan untuk menjalankan ranchangan Act Menanam Padi bagi tahun ini telah pun di-luluskan oleh Kerajaan. Pada masa sekarang Kementerian saya sedang mengambil langkah² dengan sa-

cepat mungkin untuk mengisikan jawatan² yang telah di-sahkan; sa-lepas pegawai² ini di-lantek dalam sa-bulan dua ini ranchangan ini akan dapat di-mulakan.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh memikirkan ia-itu Pejabat Pemulehan Sa-Mula Mata² Khas patut-lah di-tutup oleh sebab perbelanjaan tahunan pejabat itu tidak sa-imbang dengan tugas²-nya. Di-sini saya suka-lah memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Temerloh sungguh pun Kementerian saya ingin hendak menutup Pejabat Pemulehan Mata² Khas, tetapi langkah ini tidak-lah di-fikirkan bijak di-jalankan dengan serta-merta oleh kerana ini akan menimbulkan beberapa kesulitan dan penutupan pejabat ini akan berm'a'na semua pinjaman wang yang sudah di-beri terpaksa-lah di-mansokkan atau pun di-kutip oleh ejensi yang lain dan semua ranchangan² pemulehan sama ada yang akan datang atau pun yang belum siap akan tergendala. Langkah ini tidak-lah bijak oleh sebab beberapa bilangan mata² khas pada masa yang lalu telah menjelaskan wang pinjaman mereka dan beberapa orang pula yang tidak membayar wang pinjaman itu telah menjual tanah mereka dan ada pula yang di-hukum penjara. Dengan memansokkan wang pinjaman ini hanya menguntungkan setengah daripada mereka yang tidak membayar dan juga akan menimbulkan kesulitan untuk mendapatkan balek wang² pinjaman yang di-beri oleh Kerajaan melalui badan² rasmi. Yang sa-benar-nya Kementerian saya telah pun mengurangkan bilangan kaki-tangan jabatan ini daripada 65 orang dalam tahun 1961 kepada 33 orang pegawai atau kaki-tangan dalam tahun 1969, manakala perbelanjaan pentadbiran pula telah di-kurangkan daripada \$1.5 juta kepada \$250,000 sahaja di-dalam tahun ini dan pula bilangan kaki-tangan akan bertambah kurang lagi di-sebabkan oleh bersara-nya beberapa orang pegawai² yang telah chukup umur dan sa-bagai-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Jitra-Padang Terap dan juga dari Lipis telah meminta supaya Kementerian ini mengkaji masaalah penanaman jagong dan

kachang tanah dan menchadangkan ia itu Kerajaan harus-lah menggalakkan barang² ini di-tanam dengan luas-nya dan menahankan segala impot dalam negeri. Kementerian saya ada-lah menggalakkan bertanam jagong di-dalam ranchangan² tanaman aneka jenis, mithal-nya di-Trengganu 2,000 ekar tanah akan di-buka untuk bertanam jagong, di-Rompin, Pahang 300 ekar lagi akan di-tanam dengan jagong dalam ranchangan berchuchok tanam tahun 1969 ini dan beberapa tempat lagi akan juga di-adakan ranchangan² yang sa-umpama itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sarawak, Yang Berhormat Tuan Edmund Langgu anak Saga, telah menchadangkan supaya Kerajaan menubuhkan Agricultural College atau Maktab Pertanian supaya dapat penuntut² yang lulus sekolah belajar ilmu pertanian dan dengan itu dapat-lah mereka menjalankan usaha bagi memperbaiki kehidupan mereka pada masa akan datang. Di-sini saya suka-lah menjelaskan ia itu masaalah menubuhkan sekolah² pertanian ada-lah di-bawah urusan Kerajaan Negeri. Dan di-Sarawak sendiri ada tertubuh beberapa buah sekolah pertanian yang boleh di-katakan baik dan segala jenis pelajaran telah pun di-adakan di-sekolah² itu untuk memberi latehan dan ilmu pengetahuan kepada pemuda² dan pemuda² dan juga peladang² serta petani² dalam negeri itu.

Sa-lain daripada itu beliau juga menchadangkan supaya kawasan tanaman padi di-luaskan dan Kerajaan juga patut mengadakan ranchangan memberi bantuan baja. Dalam masaalah ini pehak Kerajaan telah pun mengadakan siasatan untuk meluaskan tanaman padi di-dalam Negeri Sarawak dan ini telah pun saya terangkan dalam masa saya menjawab soalan yang di-datangkan oleh Ahli daripada Sarawak dalam masa soal jawab yang lepas ini.

Berkenaan dengan masaalah ranchangan bantuan baja, saya telah juga mengadakan perundingan dengan Ketua Menteri Melaka di-dalam dua tiga hari yang sudah dan perkara ini akan di-timbangkan dan ranchangan ini harus akan dapat di-jalankan di-Negeri Sarawak tidak berapa lama lagi. Sa-

lain daripada itu beliau juga telah meminta supaya pakar² berkenaan dengan lada hitam patut di-bawa masuk untuk memberi latehan atau pun tunjok ajar berkenaan dengan hal lada hitam. Ini juga kita telah pun mendapat bantuan² daripada FAMA dan juga kalau sa-kira-nya mustahak kita akan meminta bantuan daripada badan² antara bangsa, umpama-nya U.N. atau pun F.A.O.

Ahli Yang Berhormat dari Lipis telah pun menchadangkan supaya urusan ternakan haiwan mendapat daging dan sa-bagai-nya harus di-galakkan dan impot daging² daripada luar negeri patut di-kurangkan. Perkara ini adalah memang menjadi keazaman Kerajaan. Jabatan Haiwan telah bertugas sendiri satu chawangan menjayakan hal ehwal penyiasatan untuk meninggikan lagi mutu ternakan² negara supaya pendapatan bahan² daging lembu, kerbau akan dapat di-lebeikkan. Satu daripada chara yang di-lancharkan ia-lah menambahkan kakitangan pegawai² yang berkelulusan dan berkebolehan atau pun specialist di-dalam bidang ini. Umpama-nya beberapa orang pegawai² telah pun di-letakkan di-dalam Institute yang akan di-bena dalam sedikit masa lagi yang di-chadangkan nama-nya boleh jadi "Institute Penyiasatan Pengeluaran Ternakan" atau pun "Central Animal Production Research Institute". Institute ini akan di-sokong oleh F.A.O. di-dalam memberi kerjasama meminjamkan pakar² yang sesuai untuk membantu pakar² tempatan supaya penyelidikan itu dapat di-lancharkan dengan sa-giat²-nya.

Baharu² ini kita telah meminta dan mendapat dari Pertubuhan Antara Bangsa itu menghantar satu rombongan mengkaji kemampuan negara dan perkhidmatan haiwan bagi mengatasi pekerjaan² membenakan projek² ini. Laporan telah di-terima yang menyatakan bahawa dengan ada-nya perkhidmatan haiwan yang dynamic ini, maka bidang ini akan boleh di-jayakan dengan faedah yang besar bagi seluroh negara kita. Begitu juga sa-sudah-nya satu lagi kajian di-jalankan, maka beberapa rumah penyembelehan yang moden

akan di-bena di-bawah anjoran perkhidmatan haiwan di-beberapa kawasan atau pun wilayah di-mana penyembelehan ternakan dapat di-selenggarakan sa-chara scientific. Faedah yang besar daripada-nya ia-lah bahan² daging ternakan itu di-jamin bersej dari penyakit dan hampas-nya dari penyembelehan itu seperti kulit, tulang, tandok dan sa-bagai-nya dapat di-selamatkan dan di-jadikan pengeluaran yang berguna seperti baja, pelekat atau makan² ternakan² yang kecil dan lain² yang akan menggalakkan perusahaan ternakan di-dalam negeri ini.

Berikutan dengan ada-nya rumah penyembelehan yang terator bagini, maka pasaran ternakan tempatan yang sekarang ini sa-chara tidak baik dapat di-salorkan dengan tertib supaya harga² ternakan tempatan dan bahan² dari-nya dapat di-tetapkan. Ini ia-lah menggalakkan ra'ayat, penternak² perusahaan dan juga meluaskan ternakan mereka dengan lebih giat lagi.

Dengan bertambah-nya penggunaan jentera oleh petani² di-kawasan pertanian, maka ternakan yang ada sekarang ini telah di-dapati susah untuk di-jalankan di-tempat² yang sedia ada. Maka dengan sebab itu pihak Jabatan dan Kementerian ini telah pun mengadakan ranchangan bagi menyatukan pemeliharaan ternak² di-dalam negeri ini.

Terima kasih.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang mengucap-kan sa-tinggi² terima kasih kepada sakalian Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi segala pandangan, segala shor² dan juga tegoran² terhadap Pejabat² Kenderaan di-bawah Kementerian saya.

Saya suka sekarang ini menyentoh atau menerangkan perkara yang di-sebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Temerloh, dengan ada-nya atau bertambah-nya teksi sapu atau pun pirate teksi sa-bagaimana yang saya selalu terangkan bahawa ini ada-lah satu social problem, bukan-lah sebab kita hendak menghapuskan sahaja teksi sapu, tetapi hendak menchari gantikan bagaimana

yang baik mereka² ini boleh dapat menchari nafkah yang lain. Sebab itu-lah Kerajaan Perikatan telah memper-setujukan mengadakan bas² kecil untuk mengangkut budak² sekolah dengan chukai-nya yang murah sahaja ia-itu sa-banyak tujuh puluh ringgit sa-tahun berbanding dengan teksi kalau pakai diesel engine sampai lapan ratus ringgit chukai-nya sa-tahun. Tetapi malang-nya sa-tengah² mereka itu belum lagi dapat berkumpul membeli bas² kecil, maka ada lagi soal² teksi² sapu ini, saya harap-lah Ahli² Yang Berhormat dengan pihak² polis, dengan pihak pegawai² saya dapat-lah merundingkan bagaimana chara-nya yang baik hendak menolong, atau pun hendak memberi peluang kepada mereka itu, kerana kalau hendak di-tangkap dan mereka itu tidak ada pekerjaan, kemudian mereka akan menyusahkan negara kita. Ini-lah sa-chara praktik yang Kementerian saya dari satu masa ka-satu masa menchari ikhtiar yang baik.

Bagitu juga Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara memberikan pandangan atas sungutan berkenaan dengan keretapi yang kata-nya tiap² tahun rugi. Kalau telah banyak rugi baik tutup sahaja-lah keretapi itu. Kerajaan menimbangkan soal keretapi ini bukan di-Tanah Melayu atau di-Malaysia Barat sahaja yang rugi bahkan di-negeri² yang lain seperti di-England, di-Eropah, sa-tengah²-nya juga di-Australia, rugi bukan sahaja tujuh juta atau lapan juta ringgit bahkan berpuluh² juta pound pula. Bagitu-lah hal keadaan-nya dalam negeri apabila sistem jalan-nya bagitu baik maka perlawanan antara Road Transport dengan keretapi ini tentu sa-kali hebat. Walau bagaimana pun dengan sebab hanya kerugian tentu-lah tidak memestikan Kerajaan mengambil tindakan yang bagitu keras bagi menutupkan keretapi ini kerana tidak kurang daripada dua belas ribu orang pekerja² keretapi, kalau sa-orang itu ada famili lima orang sahaja, dua belas kali lima sudah dekat enam puluh ribu orang yang bergantung kepada Perkhidmatan Keretapi. Yang sa-benar-nya saya suka menerangkan kepada Rumah yang berbahagia ini, keretapi mengikut perniagaan yang di-dapati daripada

angkutan² tiap² tahun ada mendapat untong, umpama-nya untong \$2 juta pada tahun yang lalu atau \$3 juta tetapi oleh kerana bebanan kenaikan gaji² yang telah lampau, yang baharu sahaja di-putuskan dan terkena bayar gaji tiap² tahun naik yang dua belas ribu pekerja² ini-lah yang menjadikan perbelanjaan lebih daripada pendapatan. Tetapi dengan ada-nya Kerajaan menetapkan umur 55 tahun ini, mereka akan terpaksa bersara. Saya berharaplah pihak Perkhidmatan Keretapi barangkali tidak kurang daripada sribu orang lebih juga akan bersara. Ini bermakna sudah mengurangkan bilangan daripada dua belas ribu ini, banyak juga wang gaji akan dikurangkan.

Sa-lain daripada itu bagi pihak keretapi juga telah pun meminta Kerajaan mempersetujui supaya kalau tidak cukup wang pun hutang-lah dahulu, akan membeli banyak lagi kepala² keretapi atau locomotive yang menggunakan kuasa diesel kerana bagaimana yang telah di-siasat perbelanjaan keretapi yang menggunakan steam atau oil burner sa-batu dalam dua ringgit, tetapi apabila di-tukarkan kepada diesel hanya-lah kalau dua ringgit sa-batu seperti yang saya kata menggunakan steam, bertukar kepada diesel hanya sa-ringgit sahaja, ma'ana-nya 50% perbelanjaan dapat di-selamatkan. Keretapi telah pun mempunyai 46 locomotive dan telah pun order lagi 10 dan dua akan sampai tidak berapa lama lagi. dan kita harap yang baki-nya barangkali ada dalam 112 lagi daripada steam² locomotive. Kita berkehendakan tidak kurang daripada 30 hingga 40 locomotive. Ini barangkali memakan belanja \$30 hingga \$40 juta tetapi ini menunggu Kerajaan menerima pengakuan² daripada pakar² United Nations atau pun Bangsa² Bersatu yang telah menyiasat beberapa lama di-Malaysia Barat dan Timor, berkenaan dengan apa yang baik chara hendak mengurangkan kerugian dan hendak mendapatkan keuntungan dalam segi keretapi ini. Maka oleh kerana draft recommendation ini belum lagi sempurna, belum lagi diterima oleh Kerajaan, pihak keretapi kena-lah menunggu atas segala recommendation atau pun pengakuan²-nya.

Oleh kerana itu sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat faham keretapi banyak dapat membawa barang² yang berat seperti cement clinker ini yang di-ekspot, ini yang mendatangkan hasil kepada Kerajaan; begitu juga berkenaan dengan bijeh² dan juga barang² yang tidak senang di-angkat dengan lori dan chara yang banyak² yang dibawa ka-fektori² semua-nya di-bawa oleh keretapi. Walau macham mana pun keretapi ini ada-lah menjadi hubungan yang mustahak di-dalam negara terutama sa-kali di-waktu dharurat dan waktu perang, maka kalau jalan sudah di-potong terpaksa-lah kita gunakan keretapi. Waktu jalan² tenggelam kerana bah, keretapi yang sa-tengah²-nya tak bah pun kita jalankan juga. Ini sangat penting dan perlu dalam sa-buah negara yang maju dan mara seperti Malaysia. Dan banyak-nya lagi industry² dan tempat² kawasan industry memang-lah di-galakkan kerana akan dapat berhubung dengan keretapi dan dengan ini kita harap keadaan keretapi akan lebih maju dan mara dan akan dapat menutup segala kerugian dan akan dapat untong dan akan menguntungkan negara kita ini juga.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan membangkitkan berkenaan dengan pelabohan di-Melaka yang di-cheritakan itu yang sa-buah Jawatan-kuasa Penasihat Pelabohan Melaka telah pun di-lantek dua bulan yang lepas dan saya sendiri telah hadir dan telah pun di-wakili oleh wakil² Dewan Perniagaan wakil² Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi membuat penyiasatan permulaan seperti menggubal bahan² atau mengumpul bahan² data berkenaan dengan barang² import-export yang mungkin dapat di-salurkan melalui sa-buah pelabohan di-Melaka yang di-chadangkan di-Tanjong Keling itu.

Jawatan-kuasa ini dan pegawai² Kementerian Pengangkutan telah pun mengadakan perundingan dan pertemuan dengan pihak² yang berkenaan. Laporan permulaan untuk menentukan sama ada perlu kajian yang mendalam oleh shariat² perunding di-adakan dan di-jangka akan siap pada akhir bulan ini. Untuk pengetahuan Dewan

yang mulia ini, Kerajaan juga sedang menimbang hendak menubuhkan sa-buah Jawatan-kuasa Khas bagi meranchang ekonomi Melaka seperti di-Pulau Pinang akibat daripada keputusan Kerajaan British menarek keluar tentera mereka daripada Terendak Camp sedikit masa lagi. Jawatan-kuasa ini akan mengkaji semua aspek ekonomi negeri Melaka supaya ekonomi-nya tidak mengalami kemerosutan dengan sebab pengundoran askar² Commonwealth daripada Terendak Camp itu. Begitu juga berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai masalah banyak-nya teksi² haram, saya telah terangkan tadi dan sama²-lah kita akan berikhtiar macham mana hendak membaiki keadaan menghapuskan teksi haram ini dan beliau juga menyentuh berkenaan dengan bas, sharikat² bas yang di-beri jalan istimewa, bermaharaja-lela, tidak mengikut peraturan² yang lain-nya. Saya minta-lah Ahli Yang Berhormat ini sa-kira-nya dapat memberi laporan² yang tertentu bas² ini tidak boleh dia menjalankan dengan sa-suka dia kerana ada aturan dan peraturan-nya. Kita akan menyiasat dan akan mengambil tindakan kapada mereka itu.

Berkenaan dasar sa-kira-nya ada sa-buah bas company lalu di-situ dan ada sa-buah express atau sa-buah bas yang baharu hendak melalui jalan itu dan masuk kapada jalan baharu, itu biasa-nya di-nasihatkan mereka itu berunding dengan kedua² buah sharikat² bas itu, kerana kalau banyak bas-nya, jalan-nya, dan penompang²-nya tidak ada di-situ, ini tentu-lah akan merugikan; apabila rugi company bas, rugi juga Kerajaan, kerana bas ini membayar cukai yang berlebihan² untuk menolong Kerajaan membena banyak lagi jalan dan jambatan² bagi membaiki keadaan negara.

Saya juga suka memberi sedikit kenyataan kapada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, sunggoh pun pehak Pembangkang, tetapi tentang layanan pehak² pelayan² di-kapal terbang MSA mengikut kata-nya yang pengalaman-nya juga memberi puas hati, kita ucapkan terima kasih pada beliau; ada juga sa-tengah² mengaku

mereka sabenar²-nya dapat layanan yang baik dan saya sendiri pun selalu naik kapal terbang MSA kita ini memang kalau daripada orang luar dapat pujian yang tinggi jika di-bandingkan dengan service² atau pun perkhidmatan² daripada antara bangsa yang lain juga. Tetapi ada sa-kali sekala barangkali-nya ada lewat sedikit, atau pun keadaan yang ta' menyenangkan, tetapi kebanyakan-nya memang-lah memberi kepujian kapada service yang ada dalam MSA itu.

Berkenaan dengan kipas yang kata-nya ada gambar Fujiyama termasuk negeri Jepon, kenapa tak buboh gambar muka saya. Saya suka-lah menerangkan berkenaan dengan kipas² atau pamphlet yang ada di-MSA ini yang sa-benar-nya bukan-lah MSA yang mengadakan-nya, kerana Perkhidmatan Penerbangan MSA ini yang di-modali bersama yang banyak daripada Singapura dan juga Malaysia, maka Pejabat Pelancongan dari Singapura memang aktif dia mengadakan macham² pamphlet-nya dan macham² contoh-nya, dia tarohkan dalam kapal terbang MSA penumpang² bagi membacha berkenaan Singapura. Kita juga berharap bahawa peruntukan yang banyak akan di-beri kapada Pejabat Pelancongan Malaysia supaya mengadakan pamphlet² dan kipas² yang ada gambar Gunung Ledang, barangkali dengan gambar Puteri Gunung Ledang lebih elok lagi akan menarek pelancong² daripada seluruh dunia. Kalau mahu tengok Puteri Gunung Ledang datang-lah ka-Malaysia, Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara pun ada di-sana kerana dia selalu berchakap berkenaan dengan Gunung Ledang satu penarek yang paling baik, Gunung Tahan pun boleh juga di-Pahang, hendak tengok kerbau, lembu, ladang pun ada juga; itu saya pulangkan-lah kapada Pengarah Pelancong supaya dapat sokongan penoh daripada Kementerian Kewangan, banyak wang lagi akan di-utokkan dan juga pehak² pelancong di-negeri Jepon.

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin:
Untuk penjelasan. Perkara yang dibangkitkan itu ia-lah mengapa MSA

menggunakan kipas yang berchorak kebudayaan Jepon, mengapa tidak di-buat sa-kurang²-nya berchorak ka-Malaysiaan; itu masalaah-nya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sa-kiranya hendak pileh kerbau di-Pahang, saya tak ada apa² hatta, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak pindah semua sa-kali pekerja² MSA ka-Pahang termasuk Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri, saya dengan tangan terbuka, saya terima.

Tan Sri Haji Sardon: Tuan Yang di-Pertua, saya chuma mengshorkan, sebab apa di-adakan gambar² kipas ini boleh jadi daripada pejabat pelan-chong² Jepon yang memang kapal terbang ini pergi ka-Jepon. Kalau Jepon boleh buat, mengapa kita tak boleh buat tentang chontoh itu, kita berikan pandangan. Ini berkenaan dengan MSA saya akan sampaikan kepada Pengerusi-nya dan kepada pejabat pelan-chong. Pihak Kerajaan tak dapat hendak memberi peruntukan yang banyak kerana kewangan kita pun kekurangan tiap² tahun.

Berkenaan dengan kata-nya keretapi Kelas Satu dan Dua ada kotor, ini ma'alum-lah dalam perjalanan, tetapi saya akan berhubung kepada Pengurus Besar Keretapi atas perkara itu. Berkenaan dengan orang² yang mem-bersihkan waktu keretapi itu berjalan, ini pun akan di-ambil perhatian supaya tidak ada banyak sampah² itu berlonggok apabila keretapi itu ber-henti.

Bagitu juga Ahli Yang Berhormat dari Lipis yang mengatakan keretapi di-Pantai Timor ini selalu ada tak sama keadaan-nya dengan Pantai Barat. Kadang² berhenti di-tengah² hutan dengan tak tentu fasal, fasal apa pula berhenti. Keadaan landasan dari Kuala Lipis membawa kepada Kerai sampai-lah ka-Tumpat di-setengah² itu landasan itu kechil untuk kepala keretapi yang berat², untuk locomotive yang besar tak dapat di-hantar ka-sana. Kita chuba juga mahu hantar, maka sebab itu kadang² pakai locomotive yang kechil ini dan lambat kerana banyak wagon² yang di-tarek ada tempat yang di-perbaiki apabila dia sudah lewat, terpaksa-lah keretapi yang sampai

dahulu itu walau pun di-tengah² hutan tempat ada berselisih, dia kena ber-henti dahulu, kalau tidak tentu-lah bertembong dan akan berlaku pula macham kechelakaan Layang Layang nanti. Kita tidak mahu keadaan macham Layang Layang itu satu kemalangan yang dahshat akan ber-laku lagi di-mana² macham itu. Walau macham mana pun pihak keretapi akan memperbaiki segala perkhid-matan ka-Pantai Timor dan tidak ada diskriminesi sama ada kata-nya ada yang gerabak kayu, itu nanti saya terangkan-lah. Tetapi berkenaan per-khidmatan sa-belum perang dan sa-sudah perang Ahli Yang Berhormat dari Lipis mesti faham, beberapa banyak station² kechil dahulu kita buka, hari ini sudah kita tutup, sebab hendak mengurangkan belanja, sebab itu-lah kadang² perselisihan keretapi itu tidak pada tempat² yang di-tentukan macham yang dahulu di-station² itu. Walau macham mana pun Kement-erian saya dan Perkhidmatan Keretapi mengaku meminta ma'af kalau kurang baik, kita akan perbaiki, tetapi walau macham mana pun kewangan ada-lah soal pokok, kita akan memohon-lah kalau tak ada duit, kita berhutang-lah kerana hendak membaiki Perkhid-matan Keretapi di-Pantai Timor.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara membangkitkan berkenaan kapal² haji kenapa kapal haji itu berlaboh di-seberang pulau sana, maka orang² daripada tanah besar saperti Kedah, Perlis dan Seberang Perai pun berduyun² pergi ka-Pulau Pinang, ferry pun kena tunggu dua tiga jam selalu kita kena complain sampai hendak buat jambatan pun sekarang ini antara Perai dengan Pulau Pinang. Yang sa-benar-nya mengenai perkara ini saya sukachita menerangkan bahawa suatu Jawatan-kuasa telah di-tubuhkan untuk meng-kaji sama ada terdapat kemudahan² yang lebeh baik lagi bagi jema'ah² haji dan pihak penghantar², beribu² waktu kapal haji hendak belayar singgah di-Dermaga Dalam Butter-worth ya'ini di-tanah besar tidak di-Pulau Pinang untuk menaikkan dan menurunkan jema'ah² haji dari-pada singgah di-Swettenham Pier di-Pualu Pinang saperti sekarang ini.

Jawatan-kuasa ini ada-lah di-pegang oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Sheikh Ahmad bin Hashim, Menteri Besar, Perlis, merangkap Pengerusi Jawatan-kuasa Penasihat Haji juga dan ahli-nya terdiri daripada wakil² negeri Kedah, Perak, Kelantan, Pulau Pinang, Perlis dan mereka² yang berkaitan dengan urusan haji di-Pulau Pinang. Saya telah diberi tahu bahawa Jawatan-kuasa ini telah mengadakan suatu mesyuarat pada 3 haribulan Januari dan telah pun membincangkan dengan panjang lebar segala pandangan² yang di-beri oleh Ahli² dan Jawatan-kuasa ini telah membuat lawatan ka-Dermaga Ayer Dalam untuk menyaksikan sendiri suasana di-sekitar pelabuhan itu dan sa-lepas itu mesyuarat telah bersetuju menanggohkan rundingan² dan akan bersidang sa-mula apabila sahaja menerima laporan² bertulis dari semua pihak yang berkenaan. Dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara, baik pun Ahli Dewan Ra'ayat dan Majlis Undangan Negeri supaya kalau ada chadangan yang baik berhubunglah dengan Jawatan-kuasa ini supaya sa-belum di-ambil keputusan boleh di-timbangkan apa juga chadangan yang baik itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan telah memberi pandangan berkenaan Sharikat Penerbangan Malaysia Singapura berkenaan dengan kenapa tidak mengadakan sharikat penerbangan kebangsaan sendiri Malaysia dan chadangan² yang lain lagi. Saya tidak-lah perlu menghubungkan dan menerangkan lagi perkara ini kerana telah beberapa kali di-ulangkan soal² dan jawapan² yang jelas telah pun di-bagi rengkasan-nya Kerajaan Singapura dan Kerajaan Malaysia menerusi Pengarah² dalam Lembaga MSA begitu juga kedua² Menteri, Menteri Perhubungan Singapura dan Menteri Pengangkutan Malaysia—saya sendiri—telah pun berunding supaya macham mana hendak membaiki keadaan MSA ini supaya akan menguntungkan kedua² buah negara dan tidak-lah kita akan berlawan satu dengan lain dan ini bukan akan menguntungkan bahkan akan merugikan. Oleh kerana itu bagi pihak

Kerajaan Malaysia telah pun mengemukakan soal² mengadakan hangar atau pun tempat memperbaiki kapal terbang di-Subang dan pihak² Pengarah MSA tidak berapa lama lagi akan berunding dan telah pun menerima laporan²-nya dan saya harap tidak-lah perkara ini akan di-panjang²kan walau soal keuntungan, kerugian, soal pekerja² MSA pun sedang di-rundingkan dan telah pun sa-tengah²-nya di-putuskan perkara itu dan saya harap-lah pihak Yang Berhormat kalau-lah MSA ini di-akui oleh dunia dan di-akui oleh Bank² yang meminjamkan wang, sharikat ini sa-benar-nya tidak rugi bahkan untung tetapi soal foreign exchange dan yang lain² ta' usah-lah saya hendak jawab di-sini saya pulangkan-lah kepada Menteri Kewangan yang beliau juga pihak yang akan memperuntukkan wang tiap² tahun kita memberi peruntukan kita yang mana kita mempunyai 42.5 peratus begitu juga pihak Singapura mempunyai yang sama. Oleh kerana ada tersebut sharikat² antara bangsa yang lain yang ada share yang hanya nominal atau pun di-katakan kita di-pengaruh oleh mereka, sa-benar-nya tidak betul. Sebab itu-lah saya rasa perlu saya membuat penjelasan terhadap beberapa perkara yang di-timbulkan oleh kerana kalau tidak kenyataan itu di-buat boleh jadi perkara yang di-terangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan itu akan di-salah fahamkan umpama sharikat nama sahaja MSA tetapi BOAC atau pun Qantas akan untung dan mengontrol-nya yang sa-benar-nya itu tidak betul. Sharikat ini di-modali bersama oleh Kerajaan Malaysia dan Singapura yang memegang saham utama sa-banyak 85% dalam sharikat ini. Ini berma'ana tiap² Kerajaan mempunyai saham sa-banyak 42.5% dengan ada jumlah saham yang sama ini segala keuntungan yang di-peroleh oleh sharikat ini juga di-bagi sama. Segala peruntukan wang luar yang di-perolehi sharikat ini telah di-potong perbelanjaan ada-lah di-bagi sama juga

Dr Mahathir bin Mohamed (Kota Star Selatan): Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya Yang Berhormat Menteri tidak faham apa yang saya telah kata

dalam ucapan saya. Saya tidak kata sekarang ini bahawa sa-bahagian daripada sher² di-dalam MSA itu di-pegang oleh BOAC tetapi yang sa-benar-nya yang memulakan sharikat penerbangan ini ia-lah sharikat BOAC dan lain² sharikat British dan kita mengambil aleh kerana kepentingan politik. Tetapi sa-balek-nya Yang Berhormat Menteri sekarang ini selalu-lah menjawab ia-itu kalau ada apa² itu ini sa-mata² soal commercial, yang ini sahaja saya buat tegoran. Saya tahu bahawa sekarang ini bukan lagi di-pegang oleh BOAC tetapi di-pegang oleh Kerajaan Malaysia, tetapi jangan-lah sangat² menerangkan bahawa kepentingan commercial enterprise di-dahulukan selalu daripada political consideration, terima kaseh.

Tan Sri Haji Sardon: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua. Saya faham sebab saya takut orang ramai tidak faham, dia terkeliru jadi saya jelaskan lagi, terima kaseh. Saya tertarik hati di-atas kenyataan beliau supaya Kerajaan kita melonggarkan dasar² hak lalu-lintas atau traffic right di-antara kapal² terbang di-dunia dengan kita Malaysia dan apabila Malaysia juga Singapura kerana kapal terbang MSA ini joint venture daripada dua² negara. Akan tetapi perlu saya sebutkan bahawa dari segi pengalaman saya hak² lalu-lintas ini bukan-lah hanya perkara yang dapat menjamin perkhidmatan sa-suatu sharikat penerbangan bahkan perkara yang penting ia-lah lalu-lintas penumpang². Yang sa-benar-nya hari ini kita telah membukakan lapangan terbang kita kepada kapal terbang international dia boleh membawa 140 orang passenger turun sa-minggu di-Kuala Lumpur, sa-minggu kemudian dia datang dan ambil 140 orang passenger-nya lagi pergi ka-mana²—tidak menjadi soal. Tetapi dia hendak juga bawa penumpang² dari Bangkok pergi Kuala Lumpur, Kuala Lumpur pergi Singapura, Singapura pergi Hongkong pada hal kapal terbang kebangsaan kita MSA ini-lah jalan yang boleh menguntungkan kita. Kalau kita buka semua sa-kali, kita juga tutup pintu perniagaan MSA, sebab itu-lah kita timbangkan dari satu waktu ka-satu

waktu dengan sa-halus-nya. Insha'-Allah dengan ada-nya Boeng 707 yang kita

Dr Mahathir bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan lagi sa-kali. Biasa-nya kalau kita membayar tambang kalau hendak terbang ka-Eropah walau pun kita hendak pergi ka-Copenhagen atau ka-London tambang sama dan kalau kita membuat booking pargi ka-Copenhagen kita bayar tambang sama juga tambang ka-London tetapi kita boleh pergi ka-London dan daripada London ka-Amsterdam, Hamburg, Copenhagen itu tidak kena bayaran. Jadi, begitu juga kalau balek di-sini kalau kita benarkan kapal terbang ini mengambil passenger daripada Kuala Lumpur ka-Singapura, maka mereka akan membayar tambang yang sama dan dengan kerana tambang sama ka-Singapura pun sama, ka-Kuala Lumpur pun sama, mereka dapat-lah berhenti di-Kuala Lumpur dan lepas itu dengan tidak ada bayaran tambahan lagi mereka boleh terbang ka-Singapura. Ini akan menggalakkan mereka berhenti di-Kuala Lumpur dengan tidak ada bayaran bertambah. Ini-lah yang kita hendak supaya kita dapat pelanchong yang banyak.

Tan Sri Haji Sardon: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat, itu pandangan Yang Berhormat baik kita akan terima dan akan siasat, tetapi dari segi perniagaan kapal terbang yang sangat rumit, saya fikir belum-lah barangkali MSA boleh menerima shor² begitu itu sahaja, kita akan siasat balek. Saya sudah kata polisi kita akan kita tukar dari satu masa ka-satu masa, saya belum habis lagi menyebut kesah tadi, kita punya kapal² terbang baharu chakap saya sudah kena potong. Kita telah dapat tiga 707 yang besar sampai 140 penumpang boleh di-bawa tetapi ketiga² sudah pun berjalan hari ini untuk international sampai ka-Sydney dan sampai Tokyo dan kita harap bulan Julai akan mula dapat 737—Boeing juga yang boleh membawa lebih kurang 100 penumpang². Kita telah ada mempunyai kapal² terbang yang baharu kita boleh berunding dengan

Kerajaan Singapura, kerana ini joint effort kita boleh buka barangkali Singapura Kuala Lumpur itu. Kita tengok macham mana keadaan-nya. Kerana kalau kapal terbang baharu, kapal terbang yang daripada international dia datang sampai tengah malam sampai di-Kuala Lumpur atau pun pagi sampai, jika daripada Kuala Lumpur atau Singapura kita boleh menepatkan mana untuk penumpang yang lebeh sesuai. Kita dapat menentukan jadual waktu yang senang penumpang² naik kapal terbang kita, tunggu-lah dahulu sampai kapal terbang baharu sampai. Kalau kapal terbang Comet Jet ini yang ada kala² technical faults, kerosakan technical, jadi orang semua naik kapal terbang orang lain, akhir-nya kita tutup pintu. Saya harap perkara² perniagaan kapal terbang ini tentu-lah kena menyelidik dari segi international bukan-lah hanya dari segi Kuala Lumpur kerana kita mesti mendapatkan penumpang² yang banyak.

Saya suka menerangkan kepada Yang Berhormat, saya ada statistic di-sini—biar-lah akhir nanti saya beri statistic biar dapat ingat oleh Yang Berhormat semua sa-kali jadi kalau kita berchakap dengan statistic kita, ada baik lagi.

Semua sharikat² penerbangan di-beri kebebasan lalu-lintas yang sama oleh Kerajaan Malaysia dan Singapura, akan tetapi kebanyakan daripada mereka itu merasa lebeh sesuai berkhidmat ka-Singapura oleh kerana banyak daripada penompang²-nya mahu pergi ka-Singapura. Kita tidak boleh paksa dia hendak datang ka-Kuala Lumpur, kita boleh pujok, kita boleh rayu, kita boleh adakan macham² penarek. Ini-lah yang kita sedang buat dan menchari jalan-nya.

Walau bagaimana pun peranan kita dalam sharikat penerbangan MSA ini dari beberapa segi di-tentukan oleh sebab² politik kerana kalau sudah exchange traffic rights itu mesti dari sa-buah negara ka-sabua negara tidak boleh daripada kapal terbang dengan pehak kapal terbang, hanya yang kita tidak ada diplomatic relationship macham Nationalist China

atau Formosa itu terpaksa dia buat antara sharikat² kapal terbang.

Ada-lah penting juga bahawa penanaman modal kita di-dalam sharikat ini hendak-lah di-dasarkan kepada kehendak² perdagangan yang tegoh dan oleh sebab itu-lah kita meng-harapkan bahawa sharikat ini di-kendalikan atas dasar² perdagangan.

Ahli Yang Berhormat tentu ingat bahawa peranan Malaysia yang meningkat di-dalam penerbangan ini memulakan sa-telah kita mengadakan perundingan² kedua pehak maka perjanjian² udara dengan negara² luar atas hak kita di-dalam perkara ini dan pemegang² saham yang utama pada masa² yang lalu ia-itu BOAC dan Qantas sekarang ini hanya memileki 4.5% tiap² sa-buah sharikat itu—Qantas atau pun BOAC, ini hanya nominal kerana kita juga hendak ada perhubungan dengan sharikat² kawan kita lama supaya boleh kita dapat pandangan², dapat pengalaman², dapat juga bertolak ansor dan bertukar² pegawai kalau kita ada kekurangan satu² perkara. Ini satu muslihat juga berkenaan dengan perniagaan kapal terbang yang kita akan melibatkan kawasan penerbangan kita.

Saya suka juga menyentuh tentang kenyataan² yang di-buat oleh Yang Berhormat daripada Rembau-Tampin dan Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu Hilir mengenai kebaikan² yang perlu di-laksanakan dalam perkhidmatan Sharikat Penerbangan MSA serta kelengkapan² di-lapangan terbang antara bangsa Kuala Lumpur. Kementerian saya memang memberikan perhatian yang penoh di-dalam membaiki dan mengelokkan lagi kemudahan² di-lapangan terbang antara bangsa Kuala Lumpur dan sa-kira-nya perbaikan² ini perlu di-adakan maka sudah tentu-lah kita akan melaksanakan tetapi tentang lambat lekas-nya itu soal kewangan yang kita selalu desak daripada pehak Perbendaharaan.

Mengenai memperbaiki di-dalam Sharikat Penerbangan MSA pertama dalam masaaalah perhubungan raya atau public relation, perkara ini memang telah banyak kali di-sebutkan

di-dalam Dewan yang mulia ini dan saya akan mengarahkan kepada Pengerusi Sharikat Penerbangan MSA ini supaya dapat berhubung dengan pegawai² dan mereka yang berkenaan supaya menjalankan dasar kita kalau-lah hendak berniaga orang yang berniaga dengan kita itu selalu betul. Kalau hendakkan berniaga, MSA itu walau macam mana pun salah kita minta ma'af-lah, tetapi kalau kita panjang²kan cerita pun tidak guna ini akan merugikan perniagaan kita. Ini-lah yang telah pun kita bersetuju antara Menteri Perhubungan Singapura dan saya sendiri waktu kita bertemu tentang memberi penerangan, penjelasan, kepada orang ramai dan ini saya harap akan di-jalankan oleh pehak MSA.

Saya tadi berjanji hendak memberikan statistic, banyak Ahli² Yang Berhormat barangkali lupa, lapangan terbang kita ini di-mulakan di-buka dalam tahun 1964 jadi tahun 1965 kita ada kita punya rekod di-sini ada 13,836 buah kapal terbang turun naik pada tahun 1965, tahun 1966 ada naik 16,486, tahun 1967 18,466 dan tahun 1968 ini sudah naik juga 19,966 kapal terbang turun naik. Tidak-lah di-katakan sunyi tetapi kebanyakan barangkali Yang Berhormat pergi menengok di-sana, kapal terbang daripada dunia yang jauh² ini tidak sampai lagi, jadi kapal terbang kita yang regional atau domestic ini ma'alum sahaja-lah empat lima jadi nampak-lah lapangan terbang yang besar itu kosong.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan dalam tempoh yang hanya empat tahun semenjak kita menjalankan, membuka lapangan terbang ini kita telah ada mempunyai 13 buah kapal² terbang international termasuk juga kapal terbang MSA yang telah pun datang ka-Kuala Lumpur di-tambah juga dengan PANAM Chartered Service lagi sa-buah dan begitu juga kita ada sa-buah Malayan Charter, kapal terbang yang kecil juga yang ada dia punya hangar-nya sendiri di-lapangan terbang ini. Insha' Allah pelan² hangar sedang di-siapkan oleh Pejabat Kerja Raya, saya harap sa-berapa segera dapat di-siapkan kita akan keluaran tender dan kita adakan hangar kita dengan

sa-berapa segera di-Subang, saya dapat tahu peruntukan telah pun ada dan apabila saya membentangkan peruntukan berkenaan dengan hangar di-Subang ini, Yang Berhormat² hendakkan Subang ini akan lebeh maju, mara terutama sa-kali Yang Berhormat daripada Lipis, daripada Kota Star Selatan dan lain² lagi sokong-lah jangan bangkang; kalau bangkang tidak jadi hendak mendirikan hangar nanti kita tidak punya hangar di-sana nanti.

Bagitu juga dengan penumpang² jangan Ahli² Yang Berhormat lupa tahun yang pertama kita buka lapangan terbang international kita sahaja sudah ada 211,322 passenger, yang pergi balek, domestic yang turun yang lalu transit ada 45,611—itu pada tahun 1965 yang pertama. Tahun 1966 sudah naik daripada 211,322 sudah naik pada 252,420 dan transit 57,376. Bagitu juga tahun 1967 naik juga lagi bukan 200,000 324,626 domestic dan international on transit ada 74,716. Tahun 1968 ini yang lalu telah naik juga lagi 353,221 dan transit ada 119,883. Sakira-nya penarekan dari pehak pelan-chong² yang transit ini dapat menengok keadaan penarekan dan keadaan pelan-chongan yang ada di-Kuala Lumpur ini barangkali daripada 119,000 ini banyak barangkali yang berhenti di-sini, sebab ini-lah saya suka menerangkan kepada Rumah yang berbahagia kita kena-lah bekerjasama sa-berapa rapat-nya dengan Kementerian yang bertanggung-jawab berkenaan pelan-chong dengan Kementerian Pengangkutan supaya dapat kita bekerjasama menarek penumpang² yang transit patut yang dia berhenti satu dua hari di-Kuala Lumpur dia boleh naik kapal terbang dari sini sama ada ka-Bangkok atau pun ka-Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sa-kali, Ahli Yang Berhormat dari Kulim Utara ada meminta pehak Kerajaan menimbangkan bas² MARA yang rugi itu, saya harap pehak MARA akan memohon, minta di-timbangkan kekurangan chukai-nya. Saya boleh mengaku kalau betul kira²-nya semua sa-kali, Menteri Kewangan akan menimbangkan dengan muktamad. Dan berkenaan dengan jalan timor-barat itu

kira-nya jadi, saya harap MARA ada lagi pada waktu itu atau pun shariat bumiputra, kalau mereka memohon mengikut dasar polisi yang ada berjalan pada hari ini, mereka akan mendapat timbangan yang utama, kalau dibandingkan dengan permohonan² yang bukan daripada bumiputra, atau yang mempunyai modal sedikit daripada bumiputra.

Bagitu juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu telah menyampaikan juga rungutan berkenaan dengan keretapi. Saya memberi pengakuan-lah sa-bagaimana yang saya berikan kepada Ahli Yang Berhormat dari Lipis tadi. Ini berkenaan dengan gerabak² keretapi ka-Pantai Timor ada yang kayu, tetapi bukan sebab kami hendak mengadakan yang kayu. Gerabak keretapi antara Lipis pergi ka-Pasir Mas kebanyakan di-gunakan oleh pehak mereka yang membawa barang² basah seperti ikan, semua-nya di-taruh di-tempat duduk itu dan kalau-lah kerusi macham yang kita duduk ini tentu-lah akan busok, tak berapa lama lagi akan rosak, ini lagi akan merugikan. Sebab itu kita hantarkan yang kayu, kalau pun bau sedikit, kita berus sedikit, taroh sabun, basah tiap² hari. Itu pun dia kata keretapi maseh kotor juga, apa hendak buat? Ini-lah ikhtiar-nya tetapi kita sudah pun adakan gerabak pasar, tetapi tak

memadai, baharu ada satu perhubungan, kita akan chuba adakan lebeh banyak lagi, tetapi macham mana pun saya akan minta pehak keretapi mengadakan kalau perlu rail-car ka-Pantai Timor, tetapi biar-lah banyak orang yang menggunakan-nya, kalau tidak, rugi rail-car itu. Terima kaseh.

PENANGGOHAN (USUL)

Tan Sri Haji Sardon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan satu usul ia-itu :

Notwithstanding the provisions of Standing Order 12, the House shall now stand adjourned until 10.00 a.m. tomorrow, Saturday, 18th January, 1969.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemukakan bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Notwithstanding the provisions of Standing Order 12, the House shall now stand adjourned until 10.00 a.m. tomorrow, Saturday, 18th January, 1969.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.